Makalah ini mengkaji masalah aliran jet dinding dan pemindahan haba bagi masalah Glauert dengan kesan nanozarah hibrid. Selain itu, kesan medan magnet dan suhu permukaan berubah-ubah juga dipertimbangkan. Di sini, nanozarah hibrid yang dipertimbangkan adalah kuprum (Cu) dan alumina (Al_2O_3) manakala air sebagai bendalir asas. Persamaan menakluk diturunkan kepada persamaan keserupaan dengan menggunakan penjelmaan keserupaan. Kemudian, penyelesaian berangka diperoleh dengan menggunakan fungsi bvp4c dalam perisian

MATLAB. Penemuan mendedahkan bahawa nanobendalir hibrid memberi kadar pemindahan haba yang lebih tinggi berbanding nanobendalir biasa. Di samping itu, kadar pemindahan haba dan pekali geseran kulit meningkat dengan kehadiran nanozarah. Selain itu, peningkatan parameter indeks suhu menyumbang kepada peningkatan kadar pemindahan haba tetapi ia tidak memberi kesan kepada pekali geseran kulit. Kekuatan magnet yang tinggi menyebabkan penurunan kadar pemindahan haba dan pekali geseran kulit.

Katakunci : *Nanobendalir hibrid; Masalah Glauert; Aliran jet; MHD; Suhu permukaan berubah-ubah*

MHD GLAUERT FLOW OF A HYBRID NANOFLUID WITH HEAT TRANSFER

This paper examines the wall jet flow and heat transfer of the Glauert problem with the effect of the hybrid nanoparticles. Also, the influence of the magnetic field and the variable surface temperature are taken into consideration. Here, we consider copper (Cu) and alumina (Al_2O_3) as the hybrid nanoparticles while water is the base fluid. The governing equations are reduced to the similarity equations using similarity transformations. Then, the numerical solutions are obtained by using the bvp4c function in MATLAB software. The findings reveal that hybrid nanofluid provides a higher heat transfer rate compared to regular nanofluid. Besides, the heat transfer rate and the skin friction coefficient increase in the presence of nanoparticles. Moreover, the rise of the temperature index parameter contributes to the enhancement of the heat transfer rate, but it does not affect the skin friction coefficient. The stronger magnetic strength led to the reduction of the heat transfer rate and the skin friction coefficient.

Keywords : *Hybrid nanofluid, Glauert problem, Wall jet, MHD, Variable surface temperature*

ID : A022

SATU SISTEM PERSAMAAN KAMIRAN SINGULAR YANG BARU UNTUK SATU RETAKAN GARIS MELENGKUNG DALAM MATERIAL YANG TERCANTUM

KHAIRUM HAMZAH¹, NIK MOHD ASRI NIK LONG^{2,3}, NORAZAK SENU^{2,3} & ZAINIDIN ESHKUVATOV⁴

¹Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka, Malaysia

²Laboratori Sains Berkomputasi dan Fizik Bermatematik, Institut Penyelidikan Matematik, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

³Jabatan Matematik, Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

⁴Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Negeri Sembilan, Malaysia

Fungsi potensi kompleks (FPK) yang diubah suai digunakan untuk membangunkan satu system persamaan kamiran singular (PKS) yang baru untuk satu retakan garis melengkung di dalam bahagian atas material yang tercantum yang dibatasi oleh regangan jauh dengan bantuan syarat keselanjaran daya paduan dan fungsi anjakan. Anu fungsi taburan kehelan dipetakan kepada fungsi singular punca kuasa dua dengan menggunakan kaedah koordinat panjang terlengkung dan regangan di sepanjang retakan sebagai sebutan di sebelah kanan. Peraturan Gauss kuadratur digunakan untuk mendapatkan penyelesaian berangka kepada sistem PKS yang baru bagi mengira faktor keamanan regangan (FKR) tak berdimensi untuk masalah ini. Keputusan yang kami perolehi adalah selari dengan kerja sebelumnya. Hasil yang diperolehi menunjukkan FKR tak berdimensi bersandar kepada nisbah pemalar elastik, geometri retakan dan kedudukan retakan.

Katakunci : *Material tercantum; Potensi kompleks yang diubah suai; Persamaan kamiran singular; Faktor keamanan regangan*

A NEW SYSTEM OF SINGULAR INTEGRAL EQUATIONS FOR A CURVILINEAR CRACK IN BONDED MATERIALS

The modified complex potentials (MCPs) functions was used to develop a new system of singular integral equations (SIEs) for a curvilinear crack in the upper part of bonded material subjected to shear mode stress with the help of continuity conditions for resultant force and displacement functions. The unknown dislocation distribution function is mapped into square root singularity function by using curved length coordinate method and the traction along the crack as the right hand term. The Gauss quadrature rules were used to obtain the numerical solution for new system of SIEs in order to compute the nondimensional stress intensity factors (SIFs) for these problems. Our results agree with those of the previous works. The findings revealed that the nondimensional SIFs depends on the elastic constant ratio, crack geometries and the position of the cracks.

Keywords : *Bonded materials; Modified complex potentials; Singular integral equations; Stress intensity factors*

ID : A026

PERINGKAT LEBIH TINGGI FORMULA BLOK PEMBEZAAN KEBELAKANG YANG DIUBAH SUAI UNTUK PERSAMAAN PEMBEZAAN BIASA PERINGKAT KETIGA

ASMA IZZATI ASNOR¹, SITI AINOR MOHD YATIM¹ & ZARINA BIBI IBRAHIM²

¹School of Distance Education, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM Penang, Malaysia

²Department of Mathematics, Faculty of Science, Universiti Putra Malaysia, 43400, Selangor, Malaysia

Kajian ini bertujuan untuk mengubah formula pembezaan blok ke belakang yang lebih tinggi bagi menyelesaikan persamaan pembezaan biasa (PPB) kaku peringkat ketiga. Dua penyelesaian baru diperoleh pada setiap langkah dengan menggunakan beberapa nilai belakang dalam blok-blok sebelumnya. Selain itu, pekali pembezaan akan disimpan, oleh itu, pengiraan berulang pekali boleh dielakkan serta kos pengiraan juga boleh dioptimumkan. Analisis perbandingan akan dibentangkan apabila eksperimen berangka telah dilakukan kepada beberapa masalah yang dipertimbangkan untuk mengesahkan kecekapan kaedah yang dicadangkan dengan penyelesaian PPB kaku yang sedia ada. Analisis membuktikan ketepatan dan kecekapan kaedah yang dicadangkan boleh digunakan sebagai alternatif lain untuk PPB kaku peringkat ketiga.

Katakunci : *Blok pembezaan kebelakang; Kaedah blok; Persamaan pembezaan biasa kaku; Persamaan pembezaan biasa peringkat ketiga; Langkah berubah*

MODIFIED HIGHER ORDER BLOCK BACKWARD DIFFERENTIATION FORMULA FOR THIRD ORDER ORDINARY DIFFERENTIAL EQUATIONS

This study aims to modify higher order block backward differentiation formulae for dealing with the third order stiff ordinary differential equations (ODEs). Two new solutions are acquired at each step by using a few back values in preceding blocks. Apart from that, the differentiation coefficients will be stored, thus, repetitive calculations of the coefficients can be avoided as well as computational cost can also be optimized. A comparative analysis will be presented once the numerical experiments have been conducted to a few considered problems in order to confirm the efficiency of the proposed method with the existing stiff ODE solver. The analysis proves the accuracy and efficiency of the proposed method can be served as another alternative for third order stiff ODEs.

Keywords : *Block method; Block backward differentiation formula; Stiff ordinary differential equations; Third order ordinary differential equations; Variable step*

BENDALIR CASSON MHD PECAHAN CAPUTO DI ATAS PLAT BERAYUN DENGAN HABA RADIASI

RIDHWAN REYAZ¹, LIM YEOU JIANN¹, AHMAD QUSHAIRI MOHAMAD¹, MUHAMMAD SAQIB¹ & SHARIDAN SHAFIE¹

¹Department of Mathematical Sciences, Fakulti Sains, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 81310 Johor Bahru, Johor, Malaysia

Kesan haba radiasi pada cecair MHD Casson bersama dengan pembezaan pecahan dalam plat menegak berayun dijelaskan. Lebih tepatnya, model pecahan Caputo digunakan dalam mengembangkan persamaan menakluk. Selain itu, pengaruh daya apung disebabkan oleh kecerunan suhu juga dipertimbangkan. Persamaan pembezaan separa pecahan yang diperolehi, ditukar menjadi persamaan pembezaan biasa dengan menggunakan teknik transformasi Laplace dan kemudian diselesaikan untuk penyelesaian analitik melalui kaedah karakteristik. Pembalikan transformasi Laplace diperolehi melalui pendekatan numerik Zakian. Kesan dari pelbagai parameter fizikal pada profil halaju dan suhu, nombor Nusselt, dan geseran kulit telah dianalisis dan digambarkan dalam grafik dan jadual. Taburan halaju dan suhu sama ada dalam cecair likat atau Casson meningkat dengan parameter pecahan

Katakunci : *Mekanik Bendalir; Bendalir Casson; Pembezaan pecahan Caputo; Kaedah Zakian; Hidrodinamik magnet; Haba radiasi*

CAPUTO FRACTIONAL MHD CASSON FLUID FLOW OVER AN OSCILLATING PLATE WITH THERMAL RADIATION

The effect of the thermal radiation on the MHD Casson fluid along with the fractional derivative in an oscillating vertical plate is elucidated. More exactly, the Caputo fractional model is utilized in developing the governing equations. Besides, the influence of the buoyancy force due to the temperature gradient has also been considered. The derived fractional partial differential equations are converted into ordinary differential equations by using the Laplace transform technique and then are solved for analytical solutions via the characteristic method. The inversion of the Laplace transformation is obtained through the numerical approach of Zakian. The effects of various physical parameters on the velocity and temperature profiles, Nusselt number, and skin friction have been analyzed and depicted in graphs and tables. The distribution of the velocity and temperature either in viscous or Casson fluid do enhance by the fractional parameter.

Keywords : *Fluid mechanics; Casson fluid; Caputo fractional derivative; Zakian's method; Magnetohydrodynamics; Thermal radiation*

ANALISIS KESTABILAN BAGI ALIRAN NANO BENDALIR HIBRID TAK MANTAP TERHADAP SILINDER TELAP MENGE CUT

NURUL AMIRA ZAINAL^{1,2}, ROSLINDA NAZAR¹, KOHILAVANI NAGANTHRAN¹ & IOAN POP³

¹Jabatan Sains Matematik, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

²Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Hang Tuah Jaya, Durian Tunggal 76100, Melaka, Malaysia

³Department of Mathematics, Babeş-Bolyai University, R-400084 Cluj-Napoca, Romania

Kajian mengenai aliran lapisan sempadan telah menarik minat ramai kerana aplikasi kejuruteranya yang meluas. Oleh itu, kajian berangka ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji analisis kestabilan terhadap aliran tak mantap dalam nanobendalir Al_2O_3 -Cu/ H_2O hibrid melewati silinder telap mengecut. Kesan parameter sedutan dan ketakmantapan telah dipertimbangkan dalam kajian ini. Persamaan pembezaan separa diubah menjadi sistem persamaan pembezaan biasa tak linear dengan memilih penjelmaan keserupaan yang sesuai dan diselesaikan

menggunakan kod bvp4c dalam program MATLAB. Penemuan kajian menunjukkan kewujudan penyelesaian dual. Pekali geseran kulit dan nombor Nusselt setempat bagi $\text{Al}_2\text{O}_3\text{-Cu/H}_2\text{O}$ meningkat dengan rangkuman parameter sedutan. Kehadiran parameter ketakmampuan telah secara aktif mendorong kepada penurunan pemindahan haba pada silinder mengecut. Analisis kestabilan menunjukkan bahawa penyelesaian yang stabil dan boleh dicapai secara fizikal muncul dalam penyelesaian pertama manakala penyelesaian kedua adalah tidak stabil.

Katakunci : Nanobendalir hibrid; Aliran tak mantap; Silinder meregang/mengecut; Analisis kestabilan

STABILITY ANALYSIS OF UNSTEADY HYBRID NANOFLUID FLOW PAST A SHRINKING PERMEABLE CYLINDER

The study of boundary layer flow has gained considerable interest owing to its extensive engineering applications. Thus, this numerical study aims to investigate the stability analysis of unsteady flow in the hybrid $\text{Al}_2\text{O}_3\text{-Cu/H}_2\text{O}$ nanofluid past a shrinking permeable cylinder. The impacts of suction and unsteadiness parameters are considered in this study. The partial differential equations are converted into a system of nonlinear ordinary differential equations by selecting suitable similarity transformation and solved using the bvp4c code in MATLAB program. The findings revealed that the existence of dual solutions is visible. The skin friction coefficient and the local Nusselt numbers of $\text{Al}_2\text{O}_3\text{-Cu/H}_2\text{O}$ increase with the inclusion of the suction parameter. The presence of the unsteadiness parameter actively promotes heat transfer degradation on the shrinking cylinder. Stability analysis indicates that a stable and physically realizable solution appeared in the first solution, whereas the second solution is unstable.

Keywords : Hybrid nanofluid; Unsteady flow; Stretching/shrinking cylinder; Stability analysis

ID : A040

PENGHAMPIRAN PENYELESAIAN MASALAH GELOMBANG OLEH PENGEMBANGAN SPEKTRUM YANG BERKAITAN DENGAN OPERATOR PEMBEZAAN ELLIPTIK

ABDULKASIM AKHMEDOV^{1,3}, MOHD ZUKI SALLEH¹ & ABDUMALIK RAKHIMOV²

¹Pusat Sains Matematik, Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang, Pahang, Malaysia

²Kulliyah of Engineering, International Islamic University of Malaysia, IIUM, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia

³Faculty of Mathematics and Science, Paragon International University, No 8, St 315, Boeng Kak 1, Toul Kork, 12151, Phnom Penh, Cambodia

Dalam penyelidikan ini, kami mengkaji pengembangan spektrum yang berkaitan dengan operator pembezaan elips di ruang taburan singular, dimana proses getaran yang terbuat dari membran elastik nipis yang diregangkan dengan ketat di atas bingkai membulat. Syarat yang mencukupi untuk kebolehpasaran pengembangan spektrum yang berkaitan dengan masalah gelombang pada cakera diperoleh dengan mengambil kira bahawa pesongan membran semasa pergerakan tetap kecil dibandingkan dengan saiz ukuran membrane, dan bagi masalah perambatan gelombang pula, cakera dibuat dari bahan terma berolak. Pendekatan berangka oleh Min Riesz terhadap penyelesaian masalah gelombang dengan syarat awal yang melibatkan fungsi Delta yang dibina. Pengesanan penumpuan penguraian spektrum oleh Min Riesz bagi peringkat $s > \frac{N-1}{2} + l$ untuk kes $N = 3$ boleh dicapai.

Katakunci : Pengembangan spektrum; Masalah gelombang; Min Riesz; Fungsi delta

THE APPROXIMATION OF THE SOLUTION OF WAVE PROBLEMS BY SPECTRAL EXPANSIONS CONNECTED WITH ELLIPTIC DIFFERENTIAL OPERATORS

In this research, we investigate the spectral expansions connected with elliptic differential operators in the space of singular distributions, which describes the vibration process made of thin elastic membrane stretched tightly over a circular frame. The sufficient conditions for summability of the spectral expansions connected with wave problems on the disk are obtained by taking into account that the deflection of the membrane during the motion

remains small compared to the size of the membrane and for wave propagation problems, the disk is made of some thermally conductive material. Numerical approximation by Riesz Means to the solution of wave problems with initial condition involving Delta function is constructed. Validation of the convergence of spectral decomposition by Riesz Means of order $s > \frac{N-1}{2} + l$ for the case $N = 3$ is attained.

Keywords : *Spectral expansion; Wave problems; Riesz means; Delta function*

ID : A048

PENYELESAIAN ANALITIK MASALAH CAUCHY BAGI MODEL TIGA DIMENSI PEGUN TEORI PENYULINGAN

AIGERIM RAKHYMOVA¹, MARS GABBASSOV² & ANVARJON AHMEDOV³

¹L.N.Gumilyov Eurasian National University, 010000 Nur Sultan, Kazakhstan

²“Factor” System Research Company LLP, L.N.Gumilyov Eurasian National University, 010000 Nur Sultan, Kazakhstan

³Pusat Sains Matematik, Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang, Kuantan, Pahang, Malaysia

Kertas ini menumpu pada kajian tentang masalah Cauchy bagi sistem persamaan pembezaan yang memerihalkan alir tak mantap bendalir boleh mampat untuk medium berliang homogen dan tak homogen dengan hukum penyulingan tak linear am dalam ruang tiga dimensi. Kajian ini menggunakan kaedah matematik empat dimensi, satu ruang empat dimensi khas dengan koordinat ruang-masa telah dibangunkan, serta ruang fungsian fungsi tetap, dan keadaan analitikal yang diperolehi dalam bentuk am bagi hukum penyulingan tak linear, yang mana masalah Cauchy mempunyai penyelesaian.

Katakunci : *Ruang empat dimensi; Fungsi tetap; Penyulingan; Persamaan tak linear; Masalah Cauchy*

ANALYTICAL SOLUTION OF THE CAUCHY PROBLEM FOR A NONSTATIONARY THREE-DIMENSIONAL MODEL OF THE FILTRATION THEORY

This paper is devoted to the study of the Cauchy problem for a system of differential equations describing the unsteady flow of a compressible fluid in a homogeneous and inhomogeneous porous medium with a general nonlinear filtration law in three-dimensional space. In the work using the methods of four-dimensional mathematics, a special four-dimensional space of space and time coordinates was developed, as well as a functional space of regular functions, and analytical conditions were obtained on the general form of the nonlinear filtration law for which the Cauchy problem has a solution.

Keywords : *Four dimensional space; Regular function; Filtration; Nonlinear equation; Cauchy problem*

ID : A052

KAJIAN PERBANDINGAN KAEDAH-KAEDAH STOKASTIK TAYLOR DAN BEBAS TERBITAN UNTUK MENYELESAIKAN PERSAMAAN PEMBEZAAN STOKASTIK

MUHAMMAD FAHMI AHMAD ZUBER¹ & NORHAYATI ROSLI¹

¹Centre for Mathematical Sciences, College of Computing and Applied Sciences, Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang, Kuantan, Pahang, Malaysia

Persamaan pembezaan biasa (ODE) telah banyak digunakan untuk memodelkan tingkah laku dinamik sistem biologi dan fizik. Walau bagaimanapun, pemodelan sistem-sistem ini dengan menggunakan model deterministik seperti persamaan pembezaan biasa ODE tidak mencukupi kerana sistem tersebut sebenarnya tertakluk kepada

kesan rawak alam sekitar yang tidak terkawal. Persamaan kebezaan stokastik (SDEs) yang berasal dari gerakan Brownian yang tidak teratur, boleh digunakan untuk model sistem yang dipengaruhi oleh faktor rawak. Kaedah berangka diperlukan untuk mencari penyelesaian hampiran kerana kerumitan persamaan. Secara teorinya, kaedah-kaedah dengan kadar penumpuan yang lebih tinggi membawa kepada penghampiran penyelesaian yang lebih baik. Walaupun, pelaksanaan kaedah mungkin tidak mencerminkan penemuan teoritis kerana penjanaan banyak nombor rawak mungkin menyumbang kepada ketidakstabilan kaedah. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji prestasi stokastik kaedah Taylor iaitu Euler-Maruyama, skim Milstein dan kaedah bebas terbitan iaitu stokastik Runge-Kutta pangkat kedua dan keempat dalam menghampiri penyelesaian SDE. Empat jenis model matematik termasuk model Black-Scholes, model logistik stokastik, model stokastik Gompertz dan model mangsa-pemangsa. Model Black-Scholes dibandingkan dengan penyelesaian analitis. Model stokastik logistik dibandingkan dengan data eksperimen dari proses penapaian dan stokastik Gompertz pula untuk pertumbuhan kanser. Model mangsa pemangsa dibandingkan dengan data eksperimen hubungan sel kanser (mangsa) dan antikanser Chondroitin Sulfate (pemangsa). Kualiti kaedah akan diukur menggunakan ralat global dan kestabilan penyelesaian.

Katakunci : *Persamaan pembezaan stokastik; Kaedah berangka; Kaedah Taylor; Kaedah bebas terbitan*

COMPARATIVE STUDY OF STOCHASTIC TAYLOR METHODS AND DERIVATIVE-FREE METHODS FOR SOLVING STOCHASTIC DIFFERENTIAL EQUATIONS

Ordinary differential equations (ODEs) have been widely used to model the dynamical behaviour of biological and physical systems. However, modelling these systems using deterministic ODEs is inadequate as the system is subjected to the uncontrolled factors of environmental noise. Stochastic differential equations (SDEs) which are originating from the irregular Brownian motion, can be applied to model such systems. Numerical methods are required to approximate the solution of the model due to the complexity of the equation. Theoretically, methods with a higher order of convergence lead to a better approximation of the solutions. Though, the implementation of the methods might not reflect the theoretical finding as generating a lot of random numbers might contribute to the instability of the methods. This research is aimed to investigate the performance of stochastic Taylor methods of Euler-Maruyama, Milstein scheme, and derivative-free methods of second and fourth-order stochastic Runge-Kutta in approximating the solution of SDEs. Four types of mathematical models which include the Black-Scholes model, logistic model, stochastic Gompertz model, and prey-predator model are simulated using the aforementioned numerical methods. Numerical solutions of the Black-Scholes model are compared with the analytical solution meanwhile, the numerical solutions of the logistic model and stochastic Gompertz models are compared with the experimental data of the fermentation process and cancer cell growth, respectively. The simulated results of the prey-predator model are compared with the experimental data of the interaction between cancer cells (prey) and anticancer Chondroitin Sulfate (predator). The prediction quality of the methods is measured using global error and root mean square errors (RMSE).

Keywords : *Stochastic differential equations; Numerical methods; Taylor methods; Derivative-free methods*

ID : A084

MELAKSANAKAN KEBOLEHPERCAYAAN DATA MAKLUMAT DALAM PROSES PEMBUATAN KEPUTUSAN MULTIKRITERIUM BERDASARKAN KADEAH TOPSIS KABUR DAN ENTROPI KABUR

NOOR JAMALINA MOHD JAMAL¹, KU MUHAMMAD NA'IM KU KHALIF¹ & MOHD SHAM MOHAMAD¹

¹Centre for Mathematical Sciences, College of Computing and Applied Sciences, Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang, Kuantan, Pahang, Malaysia

Proses pembuatan keputusan multikriteria kabur yang menggunakan maklumat data semasa, adalah sememangnya tidak pasti dan tidak tepat. Agar relevan dalam proses membuat keputusan, maklumat data semasa mestilah boleh dipercayai. Oleh kerana kekaburan sahaja tidak mencukupi untuk menyelesaikan masalah pembuatan keputusan, mengukur kebolehpercayaan maklumat adalah sangat penting. Z-number, yang menggabungkan kedua-dua batasan dan kebolehpercayaan dalam definisinya dianggap sebagai alat yang kuat untuk menggambarkan maklumat

yang tidak sempurna. Dalam makalah ini, metodologi baru dikembangkan berdasarkan kaedah Teknik Susunan Keutamaan oleh Kesamaan kepada Penyelesaian Unggul (TOPSIS) kabur dan entropi kabur untuk menyelesaikan masalah pembuatan keputusan multikriteria di mana maklumat wajaran bagi pembuat keputusan dan kriteria adalah tidak lengkap. Penilaian maklumat ditunjukkan dalam bentuk istilah linguistik dan pengiraan dilakukan menggunakan Z-nombor. Entropi kabur digunakan untuk menentukan wajaran kriteria dan TOPSIS kabur digunakan untuk memberi pemangkatan kepada alternatif. Kaedah yang dicadangkan akan menggunakan kajian kesejahteraan subjektif wanita yang bekerja sebagai kajian empirikal.

Katakunci : *Z-nombor; Entropi kabur; FTOPSIS; MCDM; Kesejahteraan subjektif*

IMPLEMENTING THE RELIABILITY OF DATA INFORMATION IN MULTI-CRITERIA DECISION MAKING PROCESS BASED ON FUZZY TOPSIS AND FUZZY ENTROPY

A multi-criteria decision-making process utilizes real-time data information, which is inherently uncertain and imprecise. To be relevant in the decision-making process, real-time data information must be reliable. Because fuzziness alone is insufficient to solve decision-making problems, measuring the information's reliability is critical. Z-number, which incorporates both restrictions and reliability in its definition is considered as a powerful tool to depict the imperfect information. In this paper, a new methodology is developed based on fuzzy Technique for Order Preference by Similarity to Ideal Solution (TOPSIS) method and fuzzy entropy for solving the multi-criteria decision-making problems where the weight information for decision makers and criteria is incomplete. The evaluation of the information is represented in the form of linguistic terms and the following calculation is performed using Z-numbers. Fuzzy entropy is applied to determine the weights of the criteria and fuzzy TOPSIS is used to rank the alternatives. An empirical study of subjective well-being of working women is used to demonstrate the proposed methodology

Keywords : *Z-Numbers; Fuzzy entropy; FTOPSIS; MCDM; Subjective well-being*

ID : A116

PEMODELAN STOKASTIK PROLIFERASI DAN KEMATIAN SEL KANSER MULUT DALAM KEHADIRAN THYMOQUINONE SEBAGAI TERAPI ANTIKANSER

SHABANA TABASSUM¹, NORHAYATI ROSLI¹, WASTUTI HIDAYATI SURIYAH² & SOLACHUDDIN JAUHARI ARIEF ICHWAND³

¹Centre for Mathematical Sciences, College of Computing and Applied Sciences, Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang, Kuantan, Pahang, Malaysia

²IIUM Human Molecular and Cellular Biology Research Cluster (iMoleC), International Islamic University Malaysia, Kuantan Campus, 25200 Kuantan, Pahang, Malaysia

³Kulliyyah of Dentistry, International Islamic University Malaysia, Kuantan Campus, Jalan Sultan Ahmad Shah, Bandar Indera Mahkota, 25200 Kuantan, Pahang, Malaysia

Kanser mulut adalah salah satu barah yang paling biasa di seluruh dunia. Thymoquinone (TQ) adalah penyusun aktif utama biji Nigella sativa telah terbukti secara klinikal dapat bertindak sebagai terapi antikanser dalam rawatan kanser mulut kerana mempunyai banyak aktiviti farmakologi termasuk antikanser. Memahami mekanisme pertumbuhan kanser mulut dan kematian dengan kehadiran TQ sangat penting supaya tingkah laku dinamik proses ini dapat ditafsirkan. Dalam makalah ini, model stokastik dicadangkan untuk menggambarkan pemahaman yang lebih baik mengenai dinamika sel barah mulut HSC-3 dengan kehadiran TQ. Model deterministik dipertubasikan dengan tingkah laku rawak yang membawa kepada model stokastik. Model tersebut disimulasikan dengan menggunakan kaedah stokastik Runge-Kutta (SRK4) peringkat empat dan parameter kinetik dianggarkan dengan menggunakan kaedah penganggar kebolehjadian maksimum (MLE). Kualiti ramalan model diukur dengan menggunakan ralat punca kuasa dua min (RMSE). Nilai RMSE yang rendah menunjukkan kesesuaian model stokastik dalam pemodelan kanser barah dan antikanser TQ.

Katakunci : *Model stokastik; Model Gompertz; Model logistik; Barah mulut; Kanser serviks*

STOCHASTIC MODELLING OF THE ORAL CANCER PROLIFERATION AND DEATH IN THE PRESENCE OF THYMOQUINONE AS ANTICANCER THERAPEUTICS

Oral cancer is one of the most common cancers worldwide. Thymoquinone (TQ) is the main active constituent of *Nigella sativa* seeds has been proven clinically able to act as anticancer therapeutics in the oral cancer treatment since it has numerous pharmacological activities including anticancer. Understanding the mechanisms of the oral cancer proliferation and death in the presence of TQ is crucial so that the dynamical behaviour of this process can be interpreted. In this paper, a stochastic model is proposed to illustrate a better understanding of the dynamics for oral cancer cell lines HSC-3 in the presence of TQ. The deterministic model is perturbed with the noisy behaviour which leads to the stochastic model. The model is simulated by using a four-stage stochastic Runge-Kutta (SRK4) method and the kinetic parameters are estimated by using the maximum likelihood estimation (MLE) method. The prediction quality of the model is measured by using root mean square error (RMSE). The low values of RMSE shows the best-fitted of the stochastic model.

Keywords : *Stochastic model; Gompertz model; Logistic model; Oral cancer; Cervical cancer*

ID : A118

PRESTASI KAEDAH STOKASTIK RUNGE-KUTTA PERINGKAT KELIMA, PERINGKAT KEEMPAT DAN SPESIFIK DALAM MENYELESAIKAN MODEL BIOLOGI STOKASTIK

NOOR AMALINA NISA ARIFFIN¹, NORHAYATI ROSLI², ABDUL RAHMAN MOHD KASIM² & MAZMA SYAHIDATUL AYUNI MAZLAN²

¹Faculty of Computer and Mathematical Sciences, UiTM Pahang Branch, Jengka Campus, Bandar Jengka , 26400 Bandar Tun Razak, Pahang

²Centre for Mathematical Sciences, College of Computing and Applied Sciences, Universiti Malaysia Pahang, 26300 Gambang, Kuantan, Pahang

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, peralihan kepada pemodelan sistem fizikal menggunakan persamaan pembezaan stokastik (SDE) telah menarik minat ramai penyelidik. Ini disebabkan oleh keterbatasan persamaan pembezaan biasa untuk mewakili fenomena sebenar. Dengan fakta bahawa model stokastik menggabungkan kesan rawak yang dapat mempengaruhi tingkah laku sistem fizikal, SDE dilihat sebagai model terbaik yang dapat digunakan dalam menilai sistem tersebut. Minat yang semakin meningkat dalam kalangan penyelidik dalam memodelkan sistem menggunakan SDE datang dengan peningkatan kepada keperluan kaedah berangka untuk menganggar penyelesaian untuk SDE. Ini kerana dengan mengambil kira fluktuasi SDE secara rawak mengakibatkan kerumitan dalam mencari penyelesaian SDE yang tepat. Oleh itu, ia menyumbang kepada peningkatan jumlah penyelidikan untuk menetapkan pendekatan berangka terbaik untuk menyelesaikan sistem SDE. Kertas penerbitan ini dihaskan untuk menyelidik prestasi stokastik Runge-Kutta peringkat kelima (SRK5) dengan peringkat penumpuan 2.0, stokastik Runge-Kutta peringkat keempat (SRK4), stokastik Runge-Kutta spesifik dengan peringkat penumpuan 1.5 (SRKS) dan stokastik Runge-Kutta spesifik dengan peringkat penumpuan 1.5 komutatif (SRKST2) dalam menyelesaikan model stokastik bagi sistem biologi. Kajian perbandingan kaedah SRK5, SRK4, SRKS1.5 dan SRKST2 akan dikemukakan dalam terbitan ini. Model stokastik untuk pertumbuhan sel *C. Acetobutylicum* akan digunakan untuk memeriksa prestasi kaedah tersebut dan eksperimen berangka akan dilakukan. Penyelesaian berangka yang diperoleh akan dibincangkan.

Katakunci : *Stokastik Runge-Kutta; Persamaan pembezaan stokastik; Kaedah berangka*

PERFORMANCE OF 5-STAGE, 4-STAGE AND SPECIFIC STOCHASTIC RUNGE-KUTTA METHODS IN APPROXIMATING THE SOLUTION OF STOCHASTIC BIOLOGICAL MODEL

In recent years, the transition on modelling physical systems via stochastic differential equations (SDEs) has attracted great interest among researchers. This is due the limitations of ordinary differential equations in presenting the real phenomenon. To the fact that the stochastic models incorporate the random effects that may influence the behaviour of physical systems, SDEs seems to be the best model that can be used in assessing those systems.

The growing interest among researchers in modelling the systems via SDEs comes with the rise in the need of numerical methods to approximate the solutions for SDEs. This is because by taking into account the random fluctuations in SDEs resulting to the complexity of finding the exact solution of SDEs. Therefore, it contribute to the increasing number of research to decide on the best numerical approach to solve the systems of SDEs. This paper is devoted to investigate the performance of 5-stage stochastic Runge-Kutta (SRK5) with order 2.0, 4-stage stochastic Runge-Kutta (SRK4), specific stochastic Runge-Kutta with order 1.5 (SRKS1.5) and commutative specific stochastic Runge-Kutta with order 1.5 (SRKST2) in approximating the solution of stochastic model in biological system. A comparative study of SRK5, SRK4, SRKS1.5 and SRKST2 methods will be presented in this paper. The linear SDE model and the stochastic model of *C. Acetobutylicum* cell growth will be used to examine the performance of those methods and the numerical experiment will be conducted. The numerical solutions obtained will be discussed.

Keywords : *Stochastic Runge-Kutta; Stochastic differential equations; Numerical methods*

ID : A123

KESAN GELINCIRAN TERHADAP ALIRAN LAPISAN SEMPADAN MHD ATAS PERMUKAAN RATA DALAM FEROBENDALIR CASSON

MUHAMMAD KHAIRUL ANUAR MOHAMED¹, SITI HANANI MAT YASIN¹ & MOHD ZUKI SALLEH¹

¹ Pusat Sains Matematik, Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang, Pahang, Malaysia

Kajian ini menyiasat kesan gelinciran pada aliran lapisan sempadan magnetohidrodinamik (MHD) dan pemindahan haba pada plat rata mendatar yang dibenam dalam ferobendalir Casson berasaskan darah. Nanozarah magnetik ferit dan kobalt ferit yang terampai dalam darah sebagai bendalir Casson membentuk ferobendalir Casson diuji secara berangka. Kajian dimulakan dengan mengubah persamaan menakluk dalam bentuk persamaan pembezaan separa kepada persamaan pembezaan biasa dengan menggunakan teknik transformasi kesamaan. Hasil persamaan kemudiannya diselesaikan secara berangka dengan kaedah Runge-Kutta-Fehlberg (RKF45). Ciri-ciri dan kesan parameter gelinciran, parameter magnetik, parameter cecair Casson dan pecahan isipadu nanozarah magnetik untuk ferit dan kobalt ferit pada variasi nombor Nusselt dan pekali geseran kulit dianalisis dan dibincangkan.

Katakunci : *Aliran atas permukaan rata; Casson; Ferobendalir; Gelinciran; MHD*

SLIP EFFECTS ON MHD BOUNDARY LAYER FLOW OVER A FLAT PLATE IN CASSON FERROFLUID

The present study investigated the slip effects on magnetohydrodynamic (MHD) boundary layer flow and heat transfer on a horizontal flat plate immersed in blood-based Casson ferrofluid. The ferrite and cobalt ferrite ferroparticles suspended into Casson fluid represent by human blood to form Casson ferrofluid are numerically examined. Study started with the transforming the governing equations which in partial differential equations to ordinary differential equations by using the similarity transformation technique. Resulting equations then solved numerically by Runge-Kutta-Fehlberg (RKF45) method. The characteristics and effects of the slip parameter, the magnetic parameter, the Casson fluid parameter and the ferroparticle volume fraction for ferrite and cobalt ferrite on the variation of Nusselt number and the skin friction coefficient are analyzed and discussed.

Keywords : *Casson; Ferrofluid; Flow over a flat plate; MHD; Slip effects*

ALIRAN LAPISAN SEMPADAN BENDALIR WILLIAMSON BERDEBU DENGAN KESAN KELIKATAN BERUBAH MERENTASI LEMBARAN REGANGAN

NURSYAMILAH ARIFIN¹, SYAZWANI MOHD ZOKRI², ABDUL RAHMAN MOHD KASIM³ & MOHD ZUKI SALLEH³

¹Fakulti Sains Komputer & Matematik, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang, 81750 Masai, Johor, Malaysia

²Fakulti Sains Komputer & Matematik, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Terengganu, Kampus Kuala Terengganu, 21080 Terengganu, Malaysia

³Pusat Sains Matematik, Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang, Kuantan, Pahang, Malaysia

Penyiasatan berangka mengenai aliran titik genangan bendalir Williamson dengan kehadiran zarah debu merentasi lembaran regangan yang mengambil kira kesan kelikatan berubah dan syarat sempadan terma pemanasan Newton (NH) dilakukan. Model aliran dua fasa yang benar-benar terbukti sesuai untuk memaparkan hubungan bersama antara zarah bendalir bukan Newton dan pepejal dipertimbangkan dalam kajian ini. Secara khususnya, persamaan menakluk pada awalnya dijelmakan kepada persamaan pembezaan biasa melalui proses perumusan sebelum meneruskan pengiraan berangka dengan menggunakan kaedah kotak-Keller. Persamaan yang dihasilkan kemudiannya diatur cara dalam perisian Matlab. Hasil berangka yang diperolehi disahkan dengan kajian sedia ada yang terdapat dalam rencana terbuka dan kesejajaran yang baik dicapai. Pengaruh parameter yang berkaitan terhadap profil halaju dan suhu, pekali geseran kulit bersama-sama dengan nombor Nusselt dipaparkan dalam bentuk grafik dan jadual. Hasil kajian menunjukkan bahawa peningkatan parameter Williamson menurunkan halaju bendalir fasa bendalir dan debu. Diharapkan hasil berangka yang diperolehi dapat membantu meramal masalah lapisan batas yang timbul dalam aliran dua fasa di masa depan.

Katakunci : *Aliran dua fasa; Bendalir Williamson berdebu; Kaedah kotak-Keller*

BOUNDARY LAYER FLOW OF DUSTY WILLIAMSON FLUID WITH VARIABLE VISCOSITY EFFECT OVER A STRETCHING SHEET

Numerical investigation of the boundary layer flow of Williamson fluid with the presence of dust particles over a stretching sheet is carried out by taking into account the variable viscosity effect and Newtonian heating boundary condition. The genuinely two-phase flow model which has been proved to be compatible to present the mutual relationship between non-Newtonian fluid and solid particles is considered in this present study. To be precise, the governing equations are initially transformed into ordinary differential equations through formulation process before proceeding further with the numerical computation by using Keller-box method. The resulting equations are then programmed in Matlab software. The obtained numerical results are validated with existing study found in open literature and a good agreement is achieved. The influence of pertinent parameters on velocity and temperature profiles, skin friction coefficient together with Nusselt number is presented in graphical and tabular forms. Results revealed that the increasing Williamson parameter decreases the fluid velocity of both fluid and dust phases. It is expected that the present numerical results could conceivably help in predicting the boundary layer problem arising in two-phase flow in the future.

Keywords : *Two-phase flow; Dusty Williamson fluid; Keller-box method*

OLAKAN PAKSA MHD NANOENDALIR JEFFREY TERHADAP PLAT BERGERAK

SYAZWANI MOHD ZOKRI¹, NURSYAMILAH ARIFIN², ABDUL RAHMAN MOHD KASIM³,
NORHASLINDA ZULLPAKKAL¹ & MOHD ZUKI SALLEH³

¹ Fakulti Sains Komputer & Matematik, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Terengganu, Kampus Kuala Terengganu, 21080 Terengganu, Malaysia

² Fakulti Sains Komputer & Matematik, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang, 81750 Masai, Johor, Malaysia

³ Pusat Sains Matematik, Kolej Komputer dan Sains Gunaan, Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang, Kuantan, Pahang, Malaysia

Aliran nanobendalir Jeffrey yang dipanaskan secara olakan dengan kehadiran medan magnet dan sinaran terma dikaji dari plat bergerak. Parameter gerakan Brownian dari model Buongiorno adalah mekanisme penting yang menyumbang kepada peningkatan pemindahan haba. Persamaan menakluk, yang terdiri daripada persamaan keselantaran, momentum, tenaga dan kelikatan zarah nano dijelmakan kedalam bentuk tak bermatra dengan menggunakan pemboleh ubah penjelmaan keserupaan yang sesuai. Hasil berangka melalui kaedah Runge-Kutta Fehlberg Fourth-Fifth order (RKF45) diperoleh secara khusus terhadap kesan parameter fizikal seperti gerakan Brownian, parameter magnet, nisbah pengenduran kepada perencatan masa dan parameter radiasi terhadap profil suhu dan kelikatan nanopartikel. Perbandingan hasil kajian sekarang dengan kajian yang telah diterbitkan telah mengesahkan ketepatan penyelesaian berangka. Perwakilan grafik parameter magnet yang berlainan telah menyebabkan kenaikan profil dalam kedua-dua profil suhu dan kepekatan zarah nano. Sebaliknya, peningkatan gerakan Brown telah meningkatkan suhu tetapi menurunkan kelikatan zarah nano.

Katakunci : *Zarah nano; Nanoendalir Jeffrey; Plat bergerak*

FORCED CONVECTION OF MHD RADIATIVE JEFFREY NANOFLUID OVER A MOVING PLATE

Convectively heated Jeffrey nanofluid flow in the presence of magnetic field and thermal radiation is investigated from a moving plate. Parameter of Brownian motion from Buongiorno model is the imperative mechanism that contributes to the heat transfer enhancement. Governing equations, consisting of the continuity, momentum, energy and nanoparticle concentrations equations are transformed into dimensionless form by means of the appropriate similarity transformation variables. Numerical results via Runge-Kutta Fehlberg Fourth-Fifth order (RKF45) method are specifically acquired on the impact of physical parameters such as Brownian motion, magnetic parameter, ratio of relaxation to retardation and radiation parameters over the temperature and nanoparticles concentration profiles. Comparison of the present results with existing published studies has validated the accuracy of the numerical solutions. Graphical representation of different magnetic parameters has caused the increment in both temperature and nanoparticles concentration profiles. On the other hand, enhancement of Brownian motion has intensified the temperature but declined the nanoparticles concentration.

Keywords : *Nanoparticles; Jeffrey nanofluid; Moving plate*

ALIRAN TITIK GENANGAN HOMAN DAN PEMINDAHAN HABA NANOENDALIR HIBRID TERHADAP HELAIAN TELAP MEREKANG/MENGEKUT KEJEJARIAN

KHO YAP BING¹, RAHIMAH JUSOH¹, MOHD ZUKI SALLEH¹, MOHD HISYAM MOHD ARIFF² & IOAN POP³

¹ Centre for Mathematical Sciences, College of Computing and Applied Sciences, Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang, Kuantan, Pahang, Malaysia

² Faculty of Electrical & Electronics Engineering Technology, Universiti Malaysia Pahang, 26600 Pekan, Pahang, Malaysia

³ Department of Mathematics, Babeş-Bolyai University, R-400084 Cluj-Napoca, Romania

Kajian ini melibatkan aliran dua matra titik genangan Homan dan pemindahan haba nanobendalir hibrid (Al_2O_3 & Cu) dengan air sebagai bendalir asas terhadap helaian telap meregang/mengecut kejejaran. Pembolehubah keserupaan diperkenalkan untuk mengubah persamaan pembezaan separa bagi model berkenaan kepada persamaan pembezaan biasa. Penyelesaian dual dijana dengan menggunakan fungsi *bvp4c* melalui perisian Matlab untuk pekali geseran kulit dan kadar pemindahan haba serta profil halaju dan suhu. Kesan paling menonjol dapat dilihat dalam ketebalan lapisan sempadan yang mana profil halaju meningkat dengan pertambahan nilai pecahan isipadu nanozarah tetapi menyusut dalam profil suhu. Di samping itu, profil suhu turut berkurang dengan penambahan pecahan isipadu nanozarah kuprum dan alumina. Analisis penyelesaian pertama dan kedua dipaparkan secara grafik dengan nilai-nilai kritikal serta perbincangan secara terperinci tentang kesan parameter-parameter yang lain.

Katakunci : *Nanobendalir hibrid; Aliran titik genangan Homan; Penyelesaian dual*

HOMAN STAGNATION POINT FLOW AND HEAT TRANSFER OF HYBRID NANOFLUID OVER A PERMEABLE RADIALY STRETCHING/SHRINKING SHEET

The steady two-dimensional Homan stagnation point flow and heat transfer of water base hybrid nanofluids (Al_2O_3 & Cu) over a permeable radially stretching/shrinking sheet have been studied. The similarity variables are introduced to transform the partial differential equations of the model into the ordinary differential equations. Numerical findings and dual solutions have been carried out by implementing the *bvp4c* code through MATLAB software. The most prominent effect is illustrated in the boundary layer thickness where the velocity profile increases upon the increment of the suction intensity but decreases in the temperature profile. Besides, the reduced Nusselt number also decreases as enlarging the value of copper and alumina nanoparticle volume fraction. The analysis of the first and second solutions are presented graphically with critical values as well as the detail discussions on the effects of the other involving parameters.

Keywords : *Hybrid nanofluid; Homan stagnation point flow; Dual solutions*

ID : A133

KESAN MAGNETOHIDRODINAMIK DALAM OLAKAN CAMPURAN BENDALIR FERRO PADA TITIK GENANGAN BAWAH PADA SILINDER BULAT MENGUFUK

SITI HANANI MAT YASIN¹, MUHAMMAD KHAIRUL ANUAR MOHAMED¹, ZULKHIBRI ISMAIL¹ & MOHD ZUKI SALLEH¹

¹Centre for Mathematical Sciences, College of Computing and Applied Sciences, Universiti Malaysia Pahang, 26300 UMP Kuantan, Pahang, Malaysia

Dalam kajian ini, bendalir Ferro olakan campuran yang mengandungi magnetit, Fe_3O_4 di mana partikel Ferro yang terampai di dalam air pada titik genangan bawah pada silinder bulat mengufuk telah dikaji. Persamaan pembezaan separa yang diperoleh melalui penjelmaan menakluk berdimensi dan penjelmaan ketakserupaan dengan mempertimbangkan kesan magnetohidrodinamik (MHD) diselesaikan secara berangka menggunakan kaedah kotak-Keller. Pengaruh medan magnet luar pada aliran bendalir Ferro dan pemindahan haba dibincangkan. Hasil kajian menunjukkan bahawa kelikatan bendalir Ferro bergantung kepada pecahan isipadu partikel Ferro dan suhu bendalir Ferro. Medan magnet seragam yang menghasilkan daya Lorentz bertindak sebagai penentu trend arah aliran pergerakan bendalir dan mempunyai kecenderungan untuk mengawal kadar penyejukan permukaan.

Katakunci : *Bendalir Ferro; Magnetohidrodinamik; Silinder bulat mengufuk*

MAGNETOHYDRODYNAMIC EFFECTS IN MIXED CONVECTION OF FERROFLUID AT LOWER STAGNATION POINT ON HORIZONTAL CIRCULAR CYLINDER

In this paper, mixed convection of ferrofluid containing magnetite, Fe_3O_4 with ferroparticles suspended in water at the lower stagnation point on a horizontal circular cylinder is investigated. The partial differential equation which derived from the transformation of the dimensional governing equation and non-similarity transformation with the consideration of the effect of magnetohydrodynamic (MHD) are solved numerically by using Keller-box method. The influences of an external magnetic field on ferrofluid flow and heat transfer are then discussed. The results showed that the viscosity depends on the ferroparticle volume fraction and ferrofluid temperature. The uniform magnetic field that produced Lorentz force acts as a determiner of the trend of fluid movement and has the tendency to control the cooling rate of the surface.

Keywords : *Ferrofluid; Magnetohydrodynamic; Horizontal circular cylinder*

ID : A136

ALIRAN SIMETRI SEPAKSI NANO BENDALIR HIBRID KE ARAH CAKERA MEREANG/MENGE CUT YANG DIPANASKAN SECARA OLAKAN

NAJIYAH SAFWA KHASHI'IE¹, ISKANDAR WAINI¹, IOAN POP², NURUL AMIRA ZAINAL¹ & ABDUL RAHMAN MOHD KASIM³

¹Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka, Malaysia

²Department of Mathematics, Babeş-Bolyai University, R-400084 Cluj-Napoca, Romania

³Centre for Mathematical Sciences, College of Computing and Applied Sciences, Universiti Malaysia Pahang, 26300 UMP Kuantan, Pahang, Malaysia

Kajian ini menyiasat aliran simetri sepaksi nanobendalir hibrid dengan pemindahan haba ke arah cakera meregang/mengecut dengan syarat sempadan olakan. Pasangan nanozarah tembaga (Cu) dan alumina (Al_2O_3) dengan air sebagai bendalir asas dimodelkan dengan menggunakan model nanobendalir fasa tunggal dengan sifat-sifat termofizikal terubahsuai. Persamaan menakluk (PDE) dipermudahkan kepada persamaan ODE dengan menggunakan penjelmaan yang sesuai. Penggunaan sedutan bermanfaat dalam mengekalkan penyelesaian aliran mantap untuk kes cakera mengecut. Penyelesaian dual juga diperhatikan dalam kes ini terhad kepada nilai-nilai tertentu parameter-parameter kawalan. Selain itu, pertambahan nombor Biot dan kekuatan sedutan meningkatkan kadar pemidahan haba. Aplikasi of Cu akan mewujudkan penyelesaian yang lebih banyak dan seterusnya memperlahankan kadar pemisahan bendalir lamina.

Katakunci : *Nanobendalir hibrid; Aliran titik genangan; Cakera meregang/mengecut; Syarat sempadan olakan*

AXISYMMETRIC HYBRID NANOFLUID FLOW DUE TO A CONVECTIVELY HEATED STRETCHING/SHRINKING DISC

This significant study is designed to analyze the axisymmetric hybrid nanofluid flow with heat transfer on a convectively heated stretching/shrinking disk. The combination of metal (Cu) and metal oxide (Al_2O_3) nanoparticles with water (H_2O) as the base fluid is used for the analysis. Similarity transformation is adopted to reduce the complexity of the PDEs into a system of ODEs. The utilization of suction in maintaining the steady flow solution for the shrinking disk case discloses the presence of dual solutions. Besides, an upsurge of Biot number and suction's strength enhances the heat transfer operation. The application of Cu- Al_2O_3 /water nanofluid can extend the range of solutions' existence and consequently, decelerate the separation of laminar flow.

Keywords : *Hybrid nanofluid; Axisymmetric flow; Stretching/shrinking disc; Convective boundary condition*

ANALISIS HOMOTOPI ALIRAN BENDALIR CARREAU MELINTASI SILINDER MEREKANG

YEOU JIANN¹, SHARIDAN SHAFIE¹ & AHMAD QUSHAIRI BIN MOHAMAD¹

¹Jabatan Sains Matematik, Fakulti Sains, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 81310 Johor Bahru, Johor, Malaysia

Aliran bendalir Carreau melintasi silinder meregang diperjelaskan dalam kajian ini. Persamaan lapisan sempadan keserupaan diri ditransformasi dan tanpa dimensi diselesaikan dengan menggunakan kaedah analisis Homotopi. Kajian penumpuan untuk kaedah ini ditunjukkan secara tak tersirat. Penyelesaian siri bagi persamaan terbitan yang sangat tak linear ini telah dikira dan didapati sangat cekap dalam memperlihatkan ciri bendalir Carreau. Pengesahan bagi penyelesaian siri ini dapat dicapai melalui perbandingan dengan keputusan yang telah diterbitkan. Keputusan yang diterbitkan tersebut telah diperoleh dengan menggunakan kaedah Keller-Box. Kesan nombor Weissenberg dan parameter kelengkungan ke atas profil halaju telah dibincangkan secara grafik dan jadual.

Katakunci : *Bendalir Carreau; Silinder peregang; Kaedah analisis Homotopi*

HOMOTOPY ANALYSIS OF CARREAU FLUID FLOW PAST A STRETCHING CYLINDER

This paper aims to present the numerical study of a dusty micropolar fluid due to stretching sheet with constant wall temperature. Using the suitable similarity transformation, the governing partial differential equations for two-phase flows of the fluid and the dust particles are reduced to the form of ordinary differential equations. The ordinary differential equations then numerically analysed using the *bvp4c* function in the Matlab software. The validity of present numerical results was checked by comparing with the previous study. The results graphically show the numerical solutions of velocity, temperature and microrotation distributions for several values of the material parameter K , fluid-particle interaction parameter β and Prandtl number for both fluid and dust phase. The effect of microrotation is investigated and analysed as well. It is found that the distributions are significantly influenced by the parameters for both phases.

Keywords : *Dusty micropolar fluid; Two phase fluid; Bvp4c function; Stretching sheet; Numerical solution*

MENGENAL PASTI CORAK HUJAN MENGGUNAKAN SIRI FOURIER: KAJIAN DATA HUJAN HARIAN DI SARAWAK, MALAYSIAASZILA ASMAT¹, SHARIFAH NORHUDA SYED WAHID² & SAYANG MOHD DENTI³¹Faculty of Computer and Mathematical Sciences, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Kampus Raub, 27600 Raub, Pahang Darul Makmur²Faculty of Computer and Mathematical Sciences, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang Darul Makmur³Faculty of Computer and Mathematical Sciences, Universiti Teknologi MARA 40450 Shah Alam, Selangor

Kajian ini dijalankan bagi mendapatkan gambaran corak hujan serta mengenal pasti tempoh paling lembap dan paling kering menggunakan siri Fourier terhadap data hujan harian di stesen-stesen yang terlibat. Parameter dalam siri Fourier telah dianggarkan menggunakan kaedah Model Linier Umum dan prestasinya dinilai menggunakan analisis devians. Oleh itu, data hujan harian yang mempunyai tempoh 41 tahun sehingga 58 tahun di empat stesen di Sarawak iaitu Kuching, Miri, Bintulu dan Sibul digunakan bagi mencapai objektif kajian. Hasil analisa menunjukkan tiga harmonik sesuai untuk memodelkan hujan harian yang diterima untuk stesen Kuching, Sibul dan Miri. Namun begitu, hanya dua harmonik yang didapati sesuai memodelkan hujan harian untuk stesen Bintulu. Bulan paling lembap di stesen yang dikaji dianggarkan berlaku pada akhir Disember hingga awal Januari, manakala bulan paling kering adalah bulan Mac untuk stesen Miri, April untuk Bintulu, Julai untuk Kuching dan Jun untuk stesen Sibul. Maklumat yang diperolehi daripada kajian ini dapat digunakan bagi memantau keadaan banjir dan kemarau di kawasan ini sekaligus merangka tindakan yang perlu diambil bagi mengurangkan impaknya.

Katakunci : *Hujan; Siri fourier; Devians***IDENTIFYING RAINFALL PATTERNS USING FOURIER SERIES: A CASE OF DAILY RAINFALL DATA IN SARAWAK, MALAYSIA**

The aim for this paper is to fit Fourier series in the daily rainfall data over to describe the rainfall patterns as well as to identify the time frame of the wettest and the driest period for the studied stations. The estimated parameter of the Fourier series in modelling the mean daily rainfall amount received were obtained using the method of Generalized Linear Model and its performance will be evaluated using the analysis of deviance. Following the objective, the daily rainfall data ranges from 41 to 58 years over four stations in Sarawak namely Kuching, Miri, Bintulu and Sibul are studied. Results showed three harmonics is appropriate in modelling the mean daily rainfall received for Kuching, Sibul and Miri stations. However, only two harmonics was found to be fitted the mean daily rainfall amount received significantly for Bintulu station. The wettest month of the studied stations was estimated to occur in late December to early January, whereas the driest month is in March for Miri station, April for Bintulu, July for Kuching and June for Sibul station. The information gained from this study can be used to monitor the occurrence of flood and drought events can be in the area so that future action can be taken to reduce the impacts.

Keywords : *Rainfall; Fourier series; Harmonics*

ADAKAH KETERBUKAAN PERDAGANGAN MENERANGKAN SISIHAN PARITI KUASA BELI DAN PERGERAKAN KADAR PERTUKARAN?

AI LUN ANG, YITING THUM & SIOK KUN SEK*

School of Mathematical Sciences, Universiti Sains Malaysia, 11800 Minden, Penang, Malaysia

Pergerakan kadar pertukaran sebenar adalah penting dalam menentukan daya saing negara dan aliran perdagangan. Kadar pertukaran sebenar juga memainkan peranan penting dalam mempostulasi hubungan antara kadar pertukaran dan harga seperti yang dijelaskan dalam teori pariti kuasa pembelian (PPP). Dalam kajian ini, kami mengkaji kesahihan teori PPP dalam empat kumpulan ekonomi (maju, membangun, ekonomi keterbukaan perdagangan yang tinggi dan rendah) dari tahun 1980 hingga 2016. Objektif utama kami adalah untuk mengkaji apakah keterbukaan perdagangan dalam menentukan kesahihan PPP. Kajian ini menggunakan ujian akar-unit untuk menguji teori PPP. Selain itu, regresi ambang panel statik digunakan untuk menyiasat penentu utama pergerakan kadar pertukaran sebenar selain menguji teori PPP relatif. Ujian akar-unit panel mendedahkan kesahihan teori PPP relatif dalam semua kes. Walau bagaimanapun, regresi ambang melaporkan bahawa keadaan PPP tidak boleh dipertahankan dalam semua rezim apabila wujud hubungan tidak linear. Harga asing dan domestik berpengaruh dalam menentukan hubungan PPP.

Katakunci : *Teori pariti kuasa pembelian (PPP); Kadar pertukaran sebenar; Regresi ambang panel statik; Keterbukaan perdagangan*

DOES TRADE OPENNESS EXPLAIN THE DEVIATION OF PURCHASING POWER PARITY AND EXCHANGE RATE MOVEMENT?

Real exchange rate movements are important in determining a country's competitiveness and trade flows. The real exchange rate also plays an important role in postulating a relationship between exchange rates and prices as explained in the theory of purchasing power parity (PPP). In this study, we examine the validity of PPP theory in four groups of economies (developed, developing, high and low trade openness economies) from 1980 to 2016. Our main objective is to examine if trade openness matters in determining the validity of PPP. The study applied the panel unit-root tests to test for the PPP theory. Besides, a static panel threshold regression is applied to investigate the main determinants of real exchange rate movements besides testing the relative PPP theory. The panel unit-root tests revealed the validity of relative PPP theory in all cases. However, the threshold regression reported that PPP condition may not hold in all regimes when nonlinearity relationship exists. Foreign and domestic prices are influential in determining the PPP relationship.

Keywords : *Purchasing power parity (PPP) theory; Real exchange rate; Static panel threshold regression; Trade openness*

BETAPA PENGARUH KEYAKINAN PASARAN DALAM MENENTUKAN PULANGAN SAHAM GLOBAL?

YEE QIAN FOONG, WEN XIN LIEW & SIOK KUN SEK*

School of Mathematical Sciences, Universiti Sains Malaysia, 11800 Minden, Penang, Malaysia

Keyakinan pasaran dan tingkah-laku/ keputusan pelaburan adalah berkait rapat. Dalam kajian ini, analisis empirikal dijalankan untuk mengkaji bagaimana keyakinan pasaran (tahap pengguna dan perniagaan) dapat mempengaruhi prestasi pulangan saham global. Khususnya, kajian ini bertujuan untuk mendedahkan jika kesan keyakinan pasaran terhadap pulangan saham adalah tidak simetri dan bagaimana kesannya berubah antara pulangan sektor. Untuk tujuan analisis, model tak linear autoregresi distributed (NARDL) digunakan memfokuskan kepada sepuluh sector data bulanan global Morgan Stanley Capital International (MSCI) mulai dari tahun 1995 hingga 2016. Keputusan

kami menunjukkan bahawa kedua-dua keyakinan pengguna dan perniagaan mempunyai kesan asimetrik dan kesannya dikesan dalam jangka pendek dan jangka panjang. Khususnya, kesan keyakinan pengguna adalah lebih besar relatif kepada keyakinan perniagaan dan kesannya berubah mengikut sektor. Peningkatan keyakinan perniagaan membawa kepada pulangan saham yang lebih tinggi dalam sektor tenaga, kewangan, penjagaan kesihatan dan utiliti sementara peningkatan keyakinan pengguna meningkatkan pulangan penjagaan kesihatan dan hartanah. Sebaliknya, penurunan keyakinan pengguna mengenakan kesan negatif terhadap pulangan tenaga, kewangan, industri, dan utiliti. Secara amnya, sektor tenaga dan industri lebih terjejas oleh keyakinan pasaran dan tiada kesan jangka panjang dalam sektor komunikasi dan teknologi maklumat.

Keywords : *Keyakinan pasaran; Pulangan saham global; Regresi tak simetrik*

HOW INFLUENTIAL THE MARKET CONFIDENCE IN DETERMINING THE GLOBAL STOCK RETURNS?

Market confidence and investment behaviour/ decision are closely related. In this study, empirical analysis is conducted to examine how market confidence (consumer and business levels) may affect the performance of global stock returns. Specifically, the study seeks to reveal if the effect of market confidence on stock return is asymmetric and how the effect changes across sectoral. For the purpose of analysis, a nonlinear autoregressive distributed lags (NARDL) model is applied focusing on the ten sectoral global Morgan Stanley Capital International (MSCI) monthly data ranging from the year 1995 to 2016. Our results showed that both consumer and business confidences have asymmetric effects and their impacts are captured in both short-term and long-term. In particular, the impact of consumer confidence is relatively larger than that of business confidence and varied across sectors. The increase of business confidence leads to higher stock returns in the sector of energy, financials, health care, and utilities while the increase of consumer confidence improves the return of health care and real estate. On the other hand, the decrease of consumer confidence imposes a negative impact on the return of energy, financials, industry, and utilities. In general, the energy and industry sectors are more affected by market confidence while no long-run impact found in communication services and information technology sectors.

Keywords : *Market confidence; Global stock return; Asymmetric effects*

ID : S019

PEMODELAN TABURAN TEMPOH MASA PERISTIWA PENCEMARAN UDARA TIDAK SIHAT

NURULKAMAL MASSERAN^{1*}, MUHAMMAD ASLAM MOHD SAFARI² & SAIFUL IZZUAN HUSSAIN¹

¹Department of Mathematical Sciences, Faculty of Science and Technology, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

²Department of Mathematics, Faculty of Science, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

Maklumat berkenaan berapa lama tempoh masa peristiwa pencemaran udara tidak sihat adalah penting bagi tujuan merancang tindakan yang sesuai bagi tujuan untuk mengurangkan risiko. Maka, analisis berkaitan taburan tempoh masa bagi peristiwa-peristiwa pencemaran udara yang berlaku pada masa lepas adalah amat penting untuk dijalankan. Bagi tujuan tersebut, kajian ini telah menganalisis data bagi Indeks Pencemaran Udara (API) per jam di kawasan Klang, Malaysia dari tahun 1997 hingga 2016. Data tempoh masa pencemaran udara ditentukan daripada peristiwa-peristiwa dengan tempoh keberlakuan nilai API > 100 hingga jujukan seterusnya ialah API < 100. Dalam kajian ini, empat jenis taburan statistik iaitu taburan Eksponen, Gama, Lognormal dan Weibull telah dicadangkan sebagai model yang praktikal. Beberapa ukuran kebugusan penyuiaan dibandingkan bagi setiap taburan untuk menentukan taburan terbaik yang boleh menerangkan data. Hasil kajian mendapati bahawa taburan Lornormal memberikan penyuiaan model terbaik berbanding taburan lain.

Katakunci : *Tempoh peristiwa; Stokastik sekitaran; Taburan statistik*

MODELLING THE DISTRIBUTION OF DURATION TIME FOR UNHEALTHY AIR POLLUTION EVENT

The information about how long a severe unhealthy air pollution event will last is crucial for the purpose of planning a possible measure to mitigate its risk. Thus, analyzing the distribution of duration data on the past occurrences of air pollution events is important. This study analyzes the hourly data of air pollution index (API) in Klang City, Malaysia from 1997 to 2016. Air pollution duration data are determined from the period when API > 100, preceded and followed by periods when API < 100. In this study, four types of statistical distributions, namely, Exponential, Gamma, Lognormal, and Weibull are proposed as practical models. Goodness-of-fit measures are compared for each distribution to determine the best fitted one to describe the observed data. Results indicate that the Lognormal distribution provides the best fitted model among others.

Keywords : *Duration event; Environmental stochastic; Statistical distribution*

ID : S020

PENGVISUALAN SIRI MASA MULTIVARIAT BAGI PEMBOLEHUBAH-PEMBOLEHUBAH PENCEMARAN UDARA DI MALAYSIA

'ULYA ABDUL RAHIM¹ & NURULKAMAL MASSERAN^{1*}

¹Department of Mathematical Sciences, Faculty of Science and Technology, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Malaysia

Pengvisualan dan analisis terokaan merupakan bahagian permulaan yang sangat penting dalam mana-mana proses analisis data. Beberapa pendekatan pengvisualan telah diperkenalkan untuk menilai tingkah laku data yang bergantung pada masa. Namun, teknik pengvisualan biasa umumnya sukar untuk digunakan apabila data adalah berdimensi tinggi dan dengan kuantiti yang banyak. Data alam sekitar seperti pembolehubah pencemaran udara seringkali dicerap dari pelbagai lokasi dan dalam tempoh masa yang lama, yang mana ianya membentuk data siri masa multivariat. Oleh itu, kajian ini mencadangkan beberapa kaedah-kaedah dan pendekatan bergraf untuk mengvisualkan tingkah laku siri masa data pencemaran udara yang berbilang pembolehubah. Satu kajian kes yang melibatkan data pembolehubah pencemaran udara di Klang, Malaysia telah dianalisis.

Katakunci : *Analisis sekitaran; Teknik multivariat bergraf; Pendekatan pengvisualan*

VISUALIZATION OF MULTIVARIATE TIME SERIES FOR AIR POLLUTANT VARIABLES IN MALAYSIA

Visualization and exploratory analysis is a crucial preliminary part of any data analysis process. Several visualization approaches have been introduced to evaluate the behaviors of time-dependent data. However, the visualization technique tends to be challenging when the data are high-dimensional and voluminous. Environmental data such as air pollutant variables are often collected at multiple locations and over time, resulting in a form of multivariate time-series data. Thus, this study propose several graphical approaches and methods to visualize the behavior of multivariable time series of air pollutant data. A case study involving data on air-pollution variables in Klang, Malaysia have been analyzed.

Keywords : *Environmental analysis; Multivariate graphical techniques; Visualization approach*

PEMODELAN PENDAPATAN ISI RUMAH BANDAR DI MALAYSIA MENGGUNAKAN PENDEKATAN BERPARAMETER

MUHAMMAD ASLAM MOHD SAFARI^{1*}, NURULKAMAL MASSERAN² & SAIFUL IZZUAN HUSSAIN²

¹Department of Mathematics, Faculty of Science, Universiti Putra Malaysia, Serdang 43400, Selangor, Malaysia

²Department of Mathematical Sciences, Faculty of Science and Technology, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Kaedah berparameter sering digunakan sebagai anggaran terhadap taburan sebenar dan juga digunakan untuk mengukur ketaksamaan pendapatan dalam analisis taburan pendapatan. Anggaran taburan pendapatan menggunakan kaedah berparameter adalah sesuai kerana ia memudahkan penaabiran berkaitan ketaksamaan yang diukur. Dengan menggunakan data tinjauan pendapatan isi rumah bagi tahun 2007, 2009, 2012 dan 2014, perbandingan terhadap enam taburan berparameter untuk memperihalkan taburan pendapatan isi rumah bandar di Malaysia dijalankan dalam kajian ini. Taburan gama, Weibull, lognormal, Dagum, Singh-Maddala dan beta teritlak jenis kedua merupakan beberapa taburan terdiri daripada dua, tiga dan empat parameter yang dipertimbangkan dalam kajian ini. Berdasarkan analisis, dapat diketahui bahawa taburan beta teritlak jenis kedua adalah model terbaik untuk menerangkan pendapatan isi rumah di Malaysia. Seterusnya, berdasarkan model beta teritlak jenis kedua, ketaksamaan pendapatan dalam kalangan isi rumah di Malaysia diukur dengan menggunakan keluk Lorenz dan pekali Gini.

Katakunci : *Taburan kebarangkalian; Pemilihan model; Taburan pendapatan; Ketaksamaan pendapatan; Isi rumah bandar*

MODELING URBAN HOUSEHOLD INCOMES IN MALAYSIA USING PARAMETRIC APPROACH

For studying the income distribution, parametric method is typically used to approximate the actual distribution and thereby assess the inequality of income. The parametric estimation of income distribution is convenient, because it facilitates inferences about the measured inequality. In this study, a comparative assessment of six candidates that describe the parametric distribution of urban household income in Malaysia was conducted, based on survey data of household income in 2007, 2009, 2012, and 2014. The distributions considered in this study consist of two, three, and four parameters, namely, the gamma, lognormal, Weibull, Dagum, Singh-Maddala, and generalized beta of the second kind. Based on the analysis, we found that the distribution using generalized beta of the second kind is the most adequate model for explaining urban household income in Malaysia. Moreover, based on this model, analysis of income inequality among urban households in Malaysia was assessed using the Lorenz curve and Gini coefficient.

Keywords : *Probability distribution; Model selection; Income distribution; Income inequality; Urban households*

PERAMALAN PULANGAN EKSTREM BITCOIN: PENDEKATAN TEORI NILAI EKSTREM

SAIFUL IZZUAN HUSSAIN^{1*}, NURULKAMAL MASSERAN¹, NADIAH RUZA¹ & MUHAMMAD ASLAM MOHD SAFARI²

¹Department of Mathematical Sciences, Faculty of Science Technology, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

²Department of Mathematics, Faculty of Science, Universiti Putra Malaysia, Serdang 43400, Selangor, Malaysia

Teori Nilai Ekstrem (EVT) telah banyak digunapakai dalam mengkaji kekerapan dan kebarangkalian berkaitan keadaan ekstrem dalam kewangan. Pendekatan ini memberi tumpuan kepada nilai-nilai ekstrem dan ianya mampu memberikan anggaran yang lebih baik berkaitan pemodelan risiko. Dalam kajian ini, Taburan Pareto Teritlak (GPD) telah digunakan untuk memodelkan pulangan ekstrem harian Bitcoin dari tahun 2017 hingga 2019. Tempoh

ini telah melalui tiga fasa ketidaktentuan yang melampau untuk pasaran matawang kripto. Tahap pulangan untuk Bitcoin adalah antara 17.011 dan 18.746. Hasil kajian mendapati data menunjukkan sifat ekor tebal dan taburan ekor terhegga. Penemuan ini mampu memberikan pemahaman yang lebih baik mengenai tingkah laku ekor di dalam pasaran matawang kripto dan membantu pelabur dalam membuat keputusan kewangan.

Katakunci : *Extreme value theory; Generalized Pareto distribution (GPD); Matawang kripto*

PREDICTING EXTREME RETURNS OF BITCOIN: EXTREME VALUE THEORY APPROACH

Extreme value theory(EVT) has been used to study the frequency and probability related to extreme situations in finance. This approach focusses on the extreme values and able to provide a better estimation for risk models. In this study, Generalized Pareto Distribution (GPD) is employed to model daily extreme returns in the Bitcoin market from 2017 to 2019. These periods have witnessed three phases of extreme volatility for the cryptocurrency market. The results demonstrate a heavy tail and finite tail distribution characteristics for the tails. The findings provide a better understanding of the tails' behaviour in cryptocurrency market and help investors to make a financial decision.

Keywords : *Extreme value theory; Generalized Pareto distribution (GPD); Cryptocurrency*

ID : S043

PENCEGAHAN HELICOBACTER PYLORI DALAM PENDUDUK RUJUKAN TURKI

KOMILJON USAROV^{1*}, ANVARJON AHMEDOV¹, MUSTAFA FATIH ABASIYANIK², KU MUHAMMAD NA'IM KU KHALIF¹ & ABDULKASIM AKHMEDOV¹

¹Centre for Mathematical Sciences, Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang, Kuantan, Pahang, Malaysia

²Pritzker School of Molecular Engineering, The University of Chicago, Edward H. Levi Hall, 5801 South Ellis Avenue Chicago, Illinois 60637, USA

Jangkitan H. Pylori kebiasaannya berhubung kait dengan penyakit-penyakit gastroduodenal pada manusia, seperti gastritis kronis dan ulser peptik, tisu limfoid berkaitan mukosa gaster, malah barah perut, yang mana ia mengenakan kos pembiayaan perubatan yang tinggi kepada masyarakat, malahan kadar kematian yang tinggi apabila masyarakat tidak menyedari tanda-tanda awal jangkitan. Dalam kajian ini, kita menyarakan satu model peramalan bagi meramalkan prevalens jangkitan. Berdasarkan hasil kajian ini, masyarakat dapat megambil langkah-langkah awal untuk pencegahan jangkitan. Langkah-langkah awal pencegahan jangkitan penyakit ini juga dapat mengurangkan kos pembiayaan perubatan serta menyelamatkan jutaan nyawa di sekeliling dunia.

Katakunci : *H. Pylori; Peramalan jangkitan penyakit; Analisis regresi multivariat*

THE PREVALENCE OF HELICOBACTER PYLORI IN REFERRAL POPULATION OF TURKEY

H. Pylori infection is commonly associated with gastroduodenal diseases in humans, such as chronic gastritis and peptic ulcers, gastric mucosa-associated lymphoid tissue lymphoma, and even gastric cancer, which leads to high cost to society for treatment and even to death many people, when people do not know early of the infection prevalence. In this work we proposed a forecasting model to predict the infection prevalence. Based on our results society can make simple early prevention acts against the infection. The early prevention acts decrease the cost of treatment and save many people's lives in the world.

Keywords : *H. Pylori; Infectious disease prediction; Multivariate linear regression*

PEMODELAN SIRI MASA MENGGUNAKAN MODEL BOX-JENKINS UNTUK SEKTOR KESIHATAN PEMATUHAN SHARIAH DI MALAYSIA

NUR FATHIN SHAIDA MUHAMMAD NADHIRIN¹, NORIZARINA ISHAK^{1*}, SITI RAIHANA HAMZAH¹, NURFADHLINA ABDUL HALIM¹ & AHMAD FADLY NURULLAH RASADE²

¹Faculty of Science and Technology, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

²Faculty of Economics and Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

Sebilangan besar siri masa ekonomi dan kewangan cenderung dan tidak bergerak dan oleh itu data mentah perlu dikurangkan dengan perbezaan. Model yang sesuai dan cekap adalah amalan yang baik untuk menilai prestasi harga saham. Dengan itu, kami menggunakan metodologi Box-Jenkins untuk memodelkan harga saham untuk sektor kesihatan di pasaran saham Malaysia. Kajian ini memfokuskan kepada satu syarikat patuh syariah, iaitu Hartalega Holdings Berhad, yang merupakan salah satu syarikat penjagaan kesihatan utama yang mengeluarkan sarung tangan Nitrile klinikal di Malaysia. Data harga saham bulanan dikumpulkan dari April 2008 hingga Disember 2020. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa ARIMA (2,1,0) adalah model terbaik untuk mewakili data siri masa mengikut nilai terkecil AIC dan SC mengikut ujian statistik Ljung-Box. Melalui kajian ini, pelabur dapat memantau portfolio pelaburan dengan menganggarkan prestasi harga saham sektor kesihatan, sambil mempertimbangkan keadaan ekonomi penjagaan kesihatan semasa di Malaysia.

Katakunci : *Box-Jenkins; Model ARIMA; Pasaran saham Malaysia; Portfolio; Data siri masa*

TIME SERIES MODELING USING BOX-JENKINS MODEL FOR SHARIAH COMPLIANT HEALTHCARE SECTOR IN MALAYSIA

Most economic and financial time series are trended and not stationary and therefore the raw data need to be detrended by differencing. An appropriate and efficient model is a good practice for evaluating the stock price performance. This paper utilized the Box-Jenkins methodology for modeling the stock price for the healthcare sector in the Malaysian stock market. This study focused on one shariah compliant company, namely Hartalega Holdings Berhad, which is one of the major healthcare companies that manufactured clinical Nitrile gloves in Malaysia. The data of monthly stock price is collected from April 2008 until December 2020. The findings of this study showed that ARIMA(2,1,0) is the best model to represent the time series data according to the smallest values of AIC and SC as well as the satisfaction of Ljung-Box test statistics. Through this study, investors able to monitor the investment portfolio from estimating the stock price performance of healthcare sector, while considering the current healthcare economic situation in Malaysia.

Keywords : *Box-Jenkins; ARIMA model; Malaysian stock market; Portfolio; Time series data*

PADANAN MODEL KEPADA KADAR KEMATIAN DI MALAYSIA: PERBANDINGAN ANTARA HELIGMAN-POLLARD DAN PELICIAN P-SPLINES

ROBIAATUL ADAWIAH EDRUS^{1,2}, ZAILAN SIRI^{1*}, MOHD AZMI HARON¹ & MUHAMMAD ASLAM MOHD SAFARI³

¹Institute of Mathematical Sciences, Faculty of Science, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

²School of Economics, Finance and Banking (SEFB), UUM College of Business, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia

³Department of Mathematics, Faculty of Science, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

Malaysia mengalami risiko kelanjutan usia sejak beberapa dekad yang lalu disebabkan oleh penurunan kadar kematian. Risiko kelanjutan usia adalah kebarangkalian seseorang individu hidup lebih lama berbanding tempoh yang dianggarkan. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, seorang bayi yang lahir pada tahun 2018 dianggarkan

untuk hidup secara purata selama 75 tahun. Memandangkan umur persaraan minimum menjadi 60 tahun yang dikuatkuasakan pada tahun 2012, bayi yang dilahirkan pada tahun 2018 dianggarkan untuk hidup lebih kurang 15 tahun selepas umur bersara. Bagi warga emas yang telah bersara, mereka memerlukan kewangan yang mencukupi untuk meneruskan hidup bagi menampung kos kesihatan dan keperluan asas. Oleh itu, kajian ini melakukan padanan terhadap kadar kematian populasi di Malaysia bagi lelaki dan perempuan. Padanan kadar kematian ini akan memberikan gambaran yang lebih jelas terhadap corak kadar kematian di Malaysia, terutamanya kepada generasi sekarang. Data yang diperoleh daripada Jabatan Perangkaan Malaysia daripada tahun 1995 sehingga 2018 terbahagi kepada lima tahun bagi setiap kumpulan umur bermula daripada umur 0 sehingga 75. Kajian ini menggunakan kaedah Heligman-Pollard dan pelicinan P-splines untuk padanan data. Set data daripada tahun 1995 sehingga 2010, dikenali sebagai set latihan digunakan untuk padanan data. Selepas melakukan padanan kepada kadar kematian bagi kedua-dua kaedah tersebut, kajian ini akan mengukur prestasi bagi kedua-dua kaedah berdasarkan set ujian yang bermula daripada 2011 sehingga 2018. Kajian ini menggunakan Purata Ralat Peratusan Mutlak untuk mengenal pasti kaedah terbaik bagi padanan kadar kematian di Malaysia. Berdasarkan Purata Ralat Peratusan Mutlak, kaedah pelicinan P-splines telah memberikan nilai yang lebih kecil berbanding dengan kaedah Heligman-Pollard. Bagi keseluruhan prestasi dari tahun 1995 sehingga 2018, kaedah pelicinan P-splines terbukti mempunyai padanan yang baik bagi kadar kematian di Malaysia.

Katakunci : *Kaedah Heligman-Pollard; Padanan kadar kematian; Pelicinan P-splines; Set ujian; Set latihan*

MODEL FITTING FOR MALAYSIAN MORTALITY RATE: COMPARISON OF HELIGMAN-POLLARD AND P-SPLINES SMOOTHING

Malaysia has been experiencing longevity risk since the last decade due to improvements of mortality rates. Longevity risk refers to the probability of a person living longer than expected. According to the Department of Statistics Malaysia, a baby born in the year 2018 is predicted to live an average life of 75 years. Since the minimum retirement age policy of 60 years had come into force in 2012, the 2018 baby would live approximately 15 more years after retirement. As senior citizens, they require ample funds to survive after retirement to maintain their health and other basic needs. Therefore, this study aims to fit the Malaysian population's mortality rate for both genders. This mortality fitting will give a clear picture of the pattern of the Malaysian mortality rates, especially for the baby boomer generation. The data obtained from the Department of Statistics Malaysia are split into groups of five years, from 0 to 75 years old, and time ranges from 1995 to 2018. In order to fit the data, this study uses the Heligman-Pollard and P-splines smoothing method. The data set from 1995 to 2010, known as training set is used to fit the mortality rate. After fitting the mortality rate for both methods, this study will measure the performance in testing set from 2011 until 2018. This study uses the mean absolute percentage error (MAPE) to identify the better method to fit the Malaysian mortality rate. Based on MAPE, the P-splines smoothing approach gives a relatively smaller value compared to Heligman-Pollard. For overall performance from 1995 to 2018, the P-spline smoothing has proven to fit the Malaysian data well.

Keywords : *Heligman-Pollard model; Mortality rate fitting; P-splines smoothing; Testing set; Training set*

ID : S057

PEMODELAN PENDAPATAN ISI RUMAH DI MALAYSIA MENGGUNAKAN MODEL CAMPURAN PARETO

MUHAMMAD HILMI ABDUL MAJID & KAMARULZAMAN IBRAHIM

Department of Mathematical Sciences, Faculty of Science & Technology, Universiti Kebangsaan Malaysia

Pelbagai model berparameter telah digunakan untuk menerangkan taburan pendapatan. Kajian lepas telah menunjukkan bahawa taburan jenis Pareto sesuai untuk data pendapatan atas di Malaysia. Bagaimanapun, taburan jenis Pareto tidak dapat digunakan untuk memodelkan keseluruhan taburan pendapatan dan hanya boleh digunakan ke atas data yang lebih tinggi berbanding suatu nilai ambang. Sebagai alternatif, model campuran Pareto boleh digunakan dengan menggabungkan suatu taburan dengan taburan jenis Pareto untuk data ekor atas. Dalam kajian ini, model campuran Pareto disuaikan ke atas data pendapatan di Malaysia dan perbandingan penyuain model dibuat menggunakan nilai AIC dan BIC dan juga nilai-p ujian kebagusan penyuain Kolmogorov-Smirnov. Ka-

jian mendapati penambahan ekor Pareto ke atas suatu taburan dapat memperbaiki penyesuaian model ke atas data pendapatan di Malaysia.

Katakunci : *Model campuran; Taburan pendapatan; Data tinjauan*

MODELLING THE MALAYSIAN HOUSEHOLD INCOME DISTRIBUTION USING PARETO MIXTURE MODELS

Various parametric models have been used to describe income distribution. In the case of Malaysian income data, it is noted in previous studies that the Pareto type distribution fits the upper income data. However, Pareto type distributions cannot be used to model the whole income distribution as they can only model observations above a certain threshold. Alternatively, the Pareto mixture models can be used which combines another distribution with a Pareto type distribution for the upper tail. In this paper the Pareto mixture models are fitted to the Malaysian income data and comparisons are made on the model fits using AIC and BIC values, as well as the p -values for Kolmogorov Smirnov goodness-of-fit test. It is found that the addition of Pareto tail to a distribution improves the model fit to the Malaysian income data.

Keywords : *Mixture model; Income distribution; Survey data*

ID : S060

PERBANDINGAN PENGANGGAR TEGUH BAGI PENGENALPASTIAN DATA TERPENCIL DALAM SET DATA MULTIVARIAT

SHARIFAH SAKINAH SYED ABD MUTALIB^{1,2}, SITI ZANARIAH SATARI¹ & WAN NUR SYAHIDAH WAN YUSOFF¹

¹Centre for Mathematical Sciences, College of Computing & Applied Sciences, Universiti Malaysia Pahang, 26300 Gambang, Kuantan, Pahang, Malaysia

²Faculty of Computer, Media and Technology Management, TATI University College, Jalan Panchur, Telok Kalong, 24000 Kemaman, Terengganu, Malaysia

Pengenalpastian data terencil bagi data multivariat adalah sukar dan tidak boleh hanya dijalankan melalui pemeriksaan visual. Jarak Mahalanobis (MD) telah menjadi kaedah klasik yang digunakan untuk mengenalpasti data terencil bagi data multivariat. Walaubagaimanapun, penggunaan purata klasik dan matriks kovarians untuk MD mempunyai masalah masking dan swamping. Masking terjadi apabila data terencil tidak dikenalpasti dan swamping berlaku apabila bukan data terencil dikenalpasti sebagai data terencil. Justeru itu, penganggar teguh telah dicadangkan untuk mengatasi masalah ini. Dalam kajian ini, prestasi penganggar teguh baru dinamakan Test on Covariance (TOC) diuji dan dibandingkan dengan penganggar teguh yang lain iaitu Fast Minimum Covariance Determinant (FMCD), Minimum Vector Variance (MVV), Covariance Matrix Equality (CME) dan Index Set Equality (ISE). Prestasi lima penganggar teguh ini diuji ke atas lima set data multivariat. Set data Brain and Weight, Hawkins-Bradru Kass, Stackloss, Bushfire dan Milk digunakan kerana set data ini terkenal dan selalu digunakan dalam kajian pengenalpastian data terencil. Keputusan menunjukkan TOC dapat mengenal pasti semua data terencil, tidak mempunyai kesan masking dan mempunyai prestasi yang sama dengan penganggar teguh yang lain dalam semua set data.

Katakunci : *Data multivariate; Jarak Mahalanobis; Penganggar teguh; Ujian kovarians*

COMPARISON OF ROBUST ESTIMATORS FOR DETECTING OUTLIERS IN MULTIVARIATE DATASETS

Detecting outliers for multivariate data is difficult and does not work by visual inspection. Mahalanobis distance (MD) has been a classical method to detect outliers in multivariate data. However, classical mean and covariance matrix in MD suffer from masking and swamping effects. Hence, robust estimators have been proposed to overcome

these problems. In this study, performance of five robust estimators to detect outliers for five classical data sets is compared. The robust estimators that are used in this study are Fast Minimum Covariance Determinant (FMCD), Minimum Vector Variance (MVV), Covariance Matrix Equality (CME), Index Set Equality (ISE) and Test on Covariance (TOC). Brain and weight, Hawkins-Bradru Kass, Stackloss, Bushfire and Milk data sets were used as these 5 classical data sets are well-known in most of outlier detection studies. Results show that TOC has proven to be able in detecting outliers, do not have masking effect and has the same performance as other robust estimators in all data sets.

Keywords : *Outliers; Multivariate data; Mahalanobis distance; Robust estimators; Test on covariance*

ID : S094

APLIKASI MODEL REGRESI DATA BILANG TERPANGKAS PADA SIFAR KEPADA PENYAKIT BERKAITAN DENGAN PENCEMARAN

ZETTY IZZATI ZULKI ALWANI¹, ADRIANA IRAWATI NUR IBRAHIM^{1*}, ROSSITA MOHAMAD YUNUS¹
& FADHILAH YUSOF²

¹Institut Sains Matematik, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

²Department of Mathematical Sciences, Faculty of Science, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Malaysia

Data bilang terdiri daripada integer bukan negatif yang mempunyai banyak aplikasi dalam pelbagai bidang pengajian. Untuk mengendalikan data bilang, terdapat pelbagai model regresi yang boleh digunakan yang bersesuaian dengan sifat data bilang yang dikaji. Model regresi Poisson (MRP) banyak digunakan untuk data dengan penyerakan yang sama dengan min, manakala model regresi binomial negatif (MRBN) digunakan untuk data dengan penyerakan yang lebih besar daripada min. Walau bagaimanapun, model regresi data bilang yang biasa mungkin tidak dapat mengendalikan bilangan yang positif tegas. Untuk kes ini, model yang bersesuaian untuk analisis data ini adalah model yang terpankas pada sifar. Kami berminat untuk mengkaji hubungan antara penyakit berkaitan pencemaran dengan faktor-faktor yang berpengaruh seperti pencemaran udara dan pembolehubah iklim di Johor Bahru, Malaysia dengan menggunakan model yang terpankas pada sifar, di mana bilangan kes penyakit adalah positif tegas. Secara khusus, MRP dan MRBN yang terpankas pada sifar digunakan untuk menentukan kaitan antara bilangan pesakit denggi dan faktor-faktor berpengaruh. Daripada kajian ini, didapati MBRN merupakan model terbaik di antara dua model tersebut untuk memodelkan kaitan antara bilangan pesakit denggi dan pencemaran udara dan pembolehubah iklim. Faktor pencemaran udara yang mempengaruhi bilangan kes denggi adalah PM₁₀ dan sulfur dioksida. Kelembapan dan suhu adalah faktor iklim yang juga mempengaruhi jumlah kes denggi.

Katakunci : *Data bilang; Model terpankas pada sifar, Penyakit berkaitan pencemaran*

APPLICATION OF ZERO-TRUNCATED COUNT DATA REGRESSION MODELS TO AIR-POLLUTION DISEASE

Count data consist of non-negative integers that have many applications in various fields of studies. To handle count data, there are various statistical models that can be employed corresponding to the properties of the count data studied. Poisson regression model (PRM) is mostly used to model data with equidispersion, while negative binomial regression model (NBRM) is a model that is regularly employed to model over-dispersed count data. On the other hand, the usual count data regression models may not able to handle strictly positive counts. In this case, the appropriate model for the analysis of such data would be models truncated at zero. We are interested to study the relationship between pollution related disease with influential factors such as air pollution and climate variables in Johor Bahru, Malaysia, using these zero-truncated models, where the number of disease cases are strictly positive. In particular, the zero-truncated PRM and NBRM are used to determine the association between the number of dengue patients and their influential factors. From the study, zero-truncated NBRM is found to be the best model amongst the two models to model the relationship between the number dengue cases and air pollution and climate. Air pollution factors that significantly affect the number of cases for dengue are particulate matter (PM₁₀) and sulfur dioxide. Also, humidity and temperature are the climate factors that significantly affect the number of dengue cases.

Keywords : *Count data; Zero-truncated model; Pollution-related disease*

PEMODELAN DATA ARAH ANGIN PULAU LANGKAWI SEMASA MONSUN BARAT DAYA 2019 DAN 2020 MENGGUNAKAN MODEL HUBUNGAN FUNGSIAN LINEAR BIVARIAT DENGAN TABURAN VON MISES

NURKHAIRANY AMYRA MOKHTAR^{1*}, YONG ZULINA ZUBAIRI², ABDUL GHAPOR HUSSIN³, BASRI BADYALINA¹, AHMAD FAIZ GHAZALI¹, FATIN FARAZH YA'ACOB⁴, PALANIAPPAN SHAMALA¹ & LEE CHANG KERK¹

¹ Faculty of Computer and Mathematical Sciences, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor, 85000 Segamat, Johor, Malaysia

² Centre for Foundation Studies in Science, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

³ Faculty of Defence Sciences and Technology, National Defence University of Malaysia, Kem Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur, Malaysia

⁴ Faculty of Business and Management, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor, 85000 Segamat, Johor, Malaysia

Cuaca di Malaysia dicirikan oleh dua monsun, iaitu monsun barat daya dari bulan Mei hingga September, dan monsun timur laut dari November hingga Mac. Dalam kajian ini, minat kami adalah untuk mengkaji hubungan data arah angin Pulau Langkawi di Malaysia semasa monsun barat daya pada tahun 2019 dan 2020. Perlu diketahui bahawa data arah angin yang berbentuk bulatan dan ini memerlukan teknik statistik yang berbeza dari teknik yang digunakan untuk menganalisis data linear. Dalam kajian ini, kami memodelkan hubungan data arah angin dengan menggunakan model hubungan fungsian bivariat dengan taburan von Mises. Keindahan model ini adalah bahawa kehadiran istilah ralat dalam semua pemboleh ubah dipertimbangkan. Semasa memodelkan data, data terpicil arah angin dikenalpasti dengan menggunakan kaedah covratio yang mempertimbangkan penentu matriks kovarian anggaran parameter. Matriks kovarians parameter anggaran data diperolehi dengan menggunakan matriks maklumat Fisher. Hasilnya juga disokong oleh plot QQ dari von Mises yang menunjukkan kesesuaian data arah angin kepada taburan von Mises. Kemudian, anggaran kemungkinan maksimum digunakan dalam memperoleh anggaran parameter data dan oleh itu, model data arah angin dicapai. Implikasi kajian ini memberikan pemahaman yang lebih baik mengenai sifat arah angin dan boleh digunakan untuk ramalan tenaga angin pada masa akan datang.

Katakunci : *Data bulatan; Arah angin; Model hubungan fungsian; Data raya; Pemodelan statistik*

MODELLING WIND DIRECTION DATA OF LANGKAWI ISLAND DURING SOUTHWEST MONSOON IN 2019 AND 2020 USING BIVARIATE LINEAR FUNCTIONAL RELATIONSHIP MODEL WITH VON MISES DISTRIBUTION

The weather in Malaysia is characterised by two monsoons, namely, the southwest monsoon from the months of May to September, and the northeast monsoon from November to March. In this study, our interest is on investigating the relationship of the wind direction data of Langkawi Island in Malaysia during southwest monsoon in 2019 to 2020. It is worthwhile to note that wind direction data that is circular in nature and this requires different statistical techniques from the techniques that are used to analyse linear data. In this paper, we model the relationship of wind direction data by using the bivariate functional relationship model with von Mises distribution. The beauty of this model is that the presence of error terms in all variables is considered. When modelling the data, outliers of the wind direction data are identified by using the covratio method that considers row deletion. The covariance matrix of the parameter estimates of the data is obtained by using Fisher information matrix. Also, the result is supported by the QQ plots of the von Mises that indicate the goodness-of-fit of the wind direction data to the von Mises distribution. Then, maximum likelihood estimation is used in obtaining the parameter estimates of the data and hence, the model of the wind direction data is attained. The implications of this study provides better understanding on the behaviour of wind direction and may be used for the prediction of wind energy in future.

Keywords : *Circular data; Wind direction; Functional relationship model; Big data; Statistical modelling*

PENILAIAN JANAAN PEMBERAT BOOTSTRAP DALAM PERCEPTRON LAPISAN TUNGGAL BAGI PELAWAT DARI ASIA TENGGARA SEMASA WABAK COVID19

SITI FATIHAH C. O.¹, HILA N. Z.¹, SHAHARUDIN S. M.¹, R. A. TARMIZI¹ & N. ROMLI²

¹ Jabatan Matematik, Fakulti Sains dan Matematik, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

² Jabatan Ekonomi, Fakulti Pengurusan & Ekonomi Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

Peramalan kedatangan pelawat dari Asia Tenggara adalah penting bagi pengurusan kesan ekonomi Malaysia, terutamanya semasa wabak COVID 19. Famili rangkaian neural telah menjadi pendekatan ekstensif dalam bidang pelancongan dan ekonomi. Perceptron lapisan tunggal adalah sebahagian model rangkaian neural yang digunakan untuk menghasilkan peramalan yang tepat. Namun, pincang terwujud dalam algoritma perceptron mencetuskan masalah terkurang padanan dan ini mendorong kepada pencapaian ketepatan peramalan yang lemah. Motivasi kajian ini adalah untuk menambahbaik ketepatan perceptron lapisan tunggal dalam meramalkan pelawat dari Asia Tenggara ke Malaysia semasa COVID 19. Dalam kajian ini, bootstrap pemberat dijanakan di lapisan tersembunyi untuk mengurangkan pincang pada lapisan output. Keputusan peramalan model janaan pemberat bootstrap dibandingkan dengan model perceptron konvensional dari segi anggaran pincang yang kecil. Keputusan statistik menunjukkan bahawa janaan pemberat bootstrap dalam perceptron memberikan ketepatan peramalan bagi yang tinggi bagi pelawat dari Asia Tenggara semasa COVID 19.

Katakunci : *Perceptron lapisan tunggal; Bootstrap; Peramalan; pelawat; Covid 19*

EVALUATION OF GENERATED BOOTSTRAP WEIGHT IN SINGLE LAYER PERCEPTRON FOR SOUTHEAST ASIA VISITORS DURING COVID19 OUTBREAK

Forecasting visitor arrival from Southeast Asia is a vital for organized the economy impact at Malaysia state, particularly during COVID 19 outbreak. Neural network family has been substantial approaches in tourism and economy. The layer perceptron is a part of neural network model which is used to produce an accurate forecasting. However, the inherent biasness in perceptron algorithm could lead to underfitting problem which eventually leads to poor performance of forecast accuracy. The motivation of this study is to improve the accuracy of single layer perceptron in forecasting the Southeast Asia visitors in Malaysia during COVID 19. In this study, the bootstrap weights are generated at hidden layer in order to reduce the biasness in output layer. The forecasting result of generated bootstrap weight model is compared with conventional perceptron model in terms of small bias estimation. The statistical results revealed that the generated bootstrap weight in perceptron provide accuracy forecasting for Southeast Asia visitors during COVID 19.

Keywords : *Single layer perceptron; Bootstrap; Forecast; Tourism; Covid 19.*

REGRESI BERWAJARAN GEOGRAFI TERHADAP WABAK DENGGI DI SEMENANJUNG MALAYSIA

AYUNA SULEKAN¹, JAMALUDIN SUHAIL² & NUR MARNI ATHIRAH ABDUL WAHID¹

^{1,2,3} Department of Mathematical Science, Faculty of Science, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Malaysia

² UTM Centre of Industrial and Applied Mathematics, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Malaysia

Sejak Perang Dunia II, denggi telah menjadi wabak global yang berupaya menjangkiti berjuta-juta orang pada setiap tahun. Perulangan wabak denggi merupakan salah satu punca utama masalah kesihatan disebabkan oleh penyebarannya yang cepat dan meluas secara geografi dimana telah mendapat perhatian daripada pihak berkuasa

dalam menangani penyakit ini. Kes denggi dilaporkan setiap tahun di Malaysia tanpa terkecuali, Bagi memastikan kes terkawal, faktor yang berkemungkinan membantu dalam pertumbuhan virus adalah penting untuk dikaji dengan teliti. Sebagai contoh, faktor iklim seperti taburan hujan, suhu, kelajuan angin dan kelembapan, dijangka berpotensi tinggi untuk meningkatkan pertumbuhan virus dalam kajian ini, dan ruang variasi faktor tersebut dapat dihubungkan dengan kes denggi. Hasil dapatan menunjukkan bahawa kaedah Ordinary Least Square (OLS) tidak efektif untuk membentuk hubungan antara kes denggi dan pemboleh ubah iklim disebabkan oleh reaksi pemboleh ubah iklim yang berubah-ubah mengikut perbezaan ruang variasi. Semasa analisis dijalankan, kemungkinan berlakunya beberapa masalah tidak pegun adalah disebabkan oleh penglibatan aspek geografi dan ruang data. Oleh itu, Regresi Berwajaran Geografi (GWR) dilaksanakan kerana keupayaannya dalam mengenal pasti tingkah laku ruang tidak pegun yang dimana mempengaruhi faktor berlakunya kes denggi dan mengintegrasikan kedudukan geografi dan ketinggian dalam analisis. Penganalisis GWR mendapati faktor yang dipengaruhi menunjukkan hubungan yang ketara terhadap berlakunya kes denggi. GWR juga telah menunjukkan peningkatan yang ketara melalui Kriteria Maklumat Akaike (AIC) dengan menghasilkan nilai terendah dan R persegi yang telah diselaraskan memberikan nilai paling tinggi. Pembentukan model dijangkakan dapat membantu pihak berkuasa kebersihan tempatan bagi merancang strategi yang lebih baik untuk mencegah dan mengawal wabak ini di Malaysia.

Katakunci : Wabak denggi; Ruang variasi; Tidak pegun; Faktor iklim; Regresi berwajaran geografi

GEOGRAPHICALLY WEIGHTED REGRESSION ON DENGUE EPIDEMIC IN PENINSULAR MALAYSIA

Dengue has been a global epidemic since World War II, with millions of individuals being infected every year. Repetitive dengue epidemic is one of the main health problems that, due to its rapid spread and geographically widespread, has become a major concern for the government authorities in dealing with this disease. In Malaysia, cases of dengue are reported annually. To keep cases under control, it is important to examine the possible factors that help the growth of the virus. Climatological factors such as rainfall, temperature, wind speed, and humidity are expected to have high potential to increase the growth of the virus in this study, and their spatial variation is associated with cases of dengue. The result revealed that Ordinary Least Square was not an effective method for modelling the relationships between dengue cases and climate variables, as climate variables in different spatial regions act differently. During the analysis, there could be some issues of non-stationarity since the geographical aspect and spatial data were involved. Hence, the Geographically Weighted Regression (GWR) is implemented due to its capability to identify the spatial non-stationarity behavior of influencing factors on dengue incidence and integrate the geographical location and altitude for the spatial analysis. GWR analysis found that the influenced factors exhibited a significant relationship with dengue incidence. GWR also shows a significant improvement in Akaike Information Criteria (AIC) values with the lowest value and the highest adjusted R square. It is expected that the developed model can help the local hygienic authorities design better strategies for preventing and controlling this epidemic in Malaysia.

Keywords : Dengue epidemic; Spatial variation; Non-stationarity; Climatological factors; Geographically weighted regression.

ID : S142

STATISTIK COVRATIO BAGI MODEL HUBUNGAN FUNGSIAN LINEAR BEREPLIKA

AZURAINI MOHD ARIF^{1,2}, YONG ZULINA ZUBAIRI^{3*} & ABDUL GHAPOR HUSSIN⁴

¹Institute for Advanced Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

²Centre for Foundation Studies, National Defence University of Malaysia, 50700 Kuala Lumpur, Malaysia

³Centre for Foundation Studies in Science, University of Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia

⁴Faculty of Defence Science and Technology, National Defence University of Malaysia, 50700 Kuala Lumpur, Malaysia

Model hubungan fungsian linear bereplika merupakan salah satu model di bawah EIVM di mana kedua-dua pembolehubah yang diukur mempunyai ralat. Namun begitu, kehadiran data terpecil memberi kesan yang signifikan ke atas penganggaran parameter. Kami memperluaskan penggunaan statistik COVRATIO yang telah berjaya digunakan di dalam model hubungan fungsian linear tidak bereplika. Simulasi dijalankan untuk memperoleh

titik potongan pada 10% persentil teratas. Prosedur ini dijalankan ke atas data sebenar untuk melihat potensinya. Didapati kaedah ini dapat mengesan data terpecil dengan berkesan pada data set.

Katakunci : *Model hubungan fungsian linear bereplikasi; Pengesanan data terpecil; Statistik COVRATIO*

COVRATIO STATISTIC FOR REPLICATED LINEAR FUNCTIONAL RELATIONSHIP MODEL

Replicated linear functional relationship model (LFRM) can be categorized under the errors-in-variables model where variables involved are measured with error. However, the presence of outliers in dataset significantly impacts the parameter estimation. We extend the use of the COVRATIO statistic which has been successfully used in unreplicated LFRM for detecting the outliers. A simulation study is used to obtain the cut-off point at 10% upper percentiles. An illustration of this procedure is presented for its potential in a real data set. The procedure successfully identifies the outlier present in the data set.

Keywords : *COVRATIO statistic; Outlier detection; Replicated linear functional relationship model*

ID : S143

PERBANDINGAN TERDAHULU DALAM MODEL-MODEL BAYESIAN FAKTOR RISIKO PESAKIT LELAKI PENYAKIT ARTERI KORONARI MALAYSIA

NURLIYANA JUHAN¹, YONG ZULINA ZUBAIRI^{2*}, AHMAD SYADI MAHMOOD ZUHDI³ & ZARINA MOHD KHALID⁴

¹Pusat Persediaan Sains dan Teknologi, Universiti Malaysia Sabah, 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

²Pusat Asasi Sains, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia

³Unit Kardiologi, Pusat Perubatan Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia

⁴Jabatan Sains Matematik, Fakulti Sains, Universiti Teknologi Malaysia, 81310, Johor Bahru, Malaysia

Penyakit arteri koronari (CAD) kekal menjadi salah satu punca utama morbiditi dan kematian di peringkat global. Yang sangat relevan untuk masalah ini adalah usaha utama harus difokuskan kepada memahami faktor risiko yang terlibat. Dalam kajian ini, tiga jenis model Bayesian, masing-masing dengan taburan terdahulu yang berbeza dipertimbangkan untuk mengenal pasti faktor risiko yang berkaitan dalam CAD di kalangan pesakit lelaki Malaysia yang menghidap Infarksi Miokardium ST-aras tinggi (STEMI) dan untuk mendapatkan model yang sesuai dengan data. Perbandingan dibuat untuk mencari model terbaik. Seramai 7180 pesakit lelaki STEMI daripada Pangkalan Data Kebangsaan Penyakit Kardiovaskular-Sindrom Koronari Akut (NCVD-ACS) tahun 2006-2013 telah dianalisis. Analisis univariat dan multivariat untuk ketiga-tiga model tersebut dilakukan menggunakan salah satu pendekatan simulasi Rantai Markov Monte Carlo (MCMC) Bayesian yang dikenali sebagai persampelan Gibbs. Prestasi model dinilai melalui kesesuaian keseluruhan model. Model Bayesian C yang menggunakan taburan terdahulu Beta dan Dirichlet, terdiri daripada enam pemboleh ubah yang signifikan iaitu diabetes mellitus, sejarah keluarga penyakit kardiovaskular, penyakit paru-paru kronik, penyakit ginjal, kelas Killip dan kumpulan umur dianggap sebagai model terbaik. Kumpulan pemboleh ubah yang sama yang dilihat signifikan pada model Bayesian C juga didapati signifikan pada model A dan B yang masing-masing menggunakan taburan terdahulu tunggal. Model C lebih sesuai daripada model A dan B kerana nilai penyimpangan yang dihasilkan adalah yang terkecil. Kajian ini menunjukkan bahawa anggaran posterior kebanyakan dipengaruhi oleh pengetahuan terdahulu yang ada. Walaupun menerapkan pengetahuan terdahulu yang tidak bermaklumat iaitu taburan terdahulu Beta dan Dirichlet, model C dapat meminimumkan ketidakpastian dalam membuat keputusan klinikal yang efektif dan memberikan anggaran parameter yang lebih baik bagi taburan posterior.

Katakunci : *Bayesian; Beta; Dirichlet; terdahulu; Arteri koronari*

PRIORS COMPARISON IN BAYESIAN MODELS OF RISK FACTOR OF MALAYSIAN CORONARY ARTERY DISEASE MALE PATIENTS

Coronary artery disease (CAD) continues to be one of the leading causes of morbidity and mortality in Malaysia and globally. Of particular relevance for this issue is that major efforts should be focused on understanding the risk factor involved. In this study, three types of Bayesian models, each with different prior distribution were considered to identify associated risk factors in CAD among Malaysian male patients presenting with ST-Elevation Myocardial Infarction (STEMI) and to obtain a feasible model to fit the data. The results of the three models were compared to find the best model. A total of 7180 STEMI male patients from the National Cardiovascular Disease Database-Acute Coronary Syndrome (NCVD-ACS) registry year 2006-2013 were analysed. Univariate and multivariate analyses for the three models were performed using Bayesian Markov Chain Monte Carlo (MCMC) simulation approach. Models' performances are evaluated through overall model fit. Bayesian model C which used both Beta and Dirichlet prior distributions, consisted of six significant variables namely diabetes mellitus, family history of cardiovascular disease, chronic lung disease, renal disease, Killip class and age group was considered as the best model. The same set of variables that were observed to be significant in the Bayesian model C was also found to be significant in models A and B which used single prior distribution, respectively. Model C has a better fit than models A and B as the deviance value produced was the smallest. This study showed that posterior estimation was mostly influenced by the existing prior knowledge. Though applying the non-informative prior which were both Beta and Dirichlet distribution priors, model C can minimise uncertainty in making effective clinical decisions and provides better parameters estimates of the posterior distribution.

Keywords : *Bayesian; Beta; Dirichlet; Prior; Coronary artery*

ID : S155

KESAN FAKTOR IKLIM TERHADAP HFMD: PENDEKATAN MODEL TAMBAHAN UMUM

NURMARNI ATHIRAH ABDUL WAHID¹, JAMALUDIN SUHAILA², HALIZA ABD. RAHMAN¹ & AYUNA SULEKAN¹

¹Department of Mathematical Sciences, Faculty of Science, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Malaysia

²UTM Centre for Industrial and Applied Mathematics, Ibnu Sina Institute for Scientific and Industrial Research, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Malaysia

Sejak beberapa dekad yang lalu, penyakit tangan, kaki, dan mulut (HFMD) telah menjadi penyakit endemik kanak-kanak dia Asia termasuk di Malaysia. Penyakit berjangkit yang disebabkan oleh virus Entero dan Cocksackie ini telah menimbulkan ancaman kesihatan awam yang besar di Malaysia sejak tahun 1997. Perubahan iklim merupakan faktor yang mempengaruhi kes HFMD dan ia telah dikaji oleh negara lain dengan menggunakan pelbagai kaedah statistik. Pendekatan yang paling popular digunakan adalah model linear teritlak (GLM). Namun begitu, GLM tidak boleh menggambarkan kesan yang tidak linear terhdap pembolehubah. Oleh itu, kajian ini mencadangkan untuk menggunakan Model tambahan umum (GAM) bagi mengkaji hubungan di antara kesan suhu, kelembapan, jumlah hujan, dan kelajuan angin yang tidak linear dengan sela masa berbeza terhadap kes HFMD di Selangor. Secara ringkasnya, kajian ini mendapati bahawa kes HFMD di Selangor dipengaruhi oleh suhu, kelembapan, dan jumlah hujan dengan sela masa sebanyak dua minggu. Risiko penyakit ini meningkat pada dua minggu berikutnya dengan julat suhu antara 27°C hingga 30°C, 70 hingga 85 peratus kelembapan, dan 5mm hingga 20mm jumlah hujan. Tambahan pula, kajian ini juga mendapati bahawa taburan bermusim penyakit HFMD di Selangor mempunyai puncak yang besar semasa musim panas dan puncak yang kecil sekitar akhir tahun semasa musim sejuk. Hasil dapatan dalam kajian ini dapat membantu pihak berkuasa kesihatan negeri Selangor dalam membentuk strategi yang berkesan dan bersasar bagi mengurangkan penularan penyakit ini dalam keadaan tertentu.

Katakunci : *HFMD; Model tambahan umum; Penyakit berjangkit; Perubahan iklim; Tidak linear*

EFFECT OF CLIMATE FACTORS ON HFMD: A GENERALIZED ADDITIVE MODEL APPROACH

Hand, foot, and mouth disease (HFMD) has become an endemic childhood disease in Asia, including Malaysia, over the last few decades. This infectious disease caused by the Entero and Cocksackie viruses has been a major public health threat in Malaysia since 1997. Climate change has been considered an influential factor in HFMD cases and

has been explored in other countries using various statistical analyses. The most popular is the Generalized Linear Model (GLM). However, GLM often fails to capture the non-linearity effect of the variables. The study, therefore, proposes to use the Generalized Additive Model (GAM) to analyse the non-linear effects of temperature, humidity, rainfall, and wind speed at varying time lags of HFMD in Selangor. In summary, the result indicates that the weekly temperature, humidity, and rainfall were significantly associated with HFMD cases in Selangor and clarified with two weeks of lag time. This disease's risk increased in the subsequent two weeks with a temperature range of 27°C to 30°C, 70 to 85 percent humidity, and 5mm to 20mm of rainfall. Besides, this study also found that the seasonal distribution of HFMD in Selangor has a large peak during the Southwest monsoon. A small peak was observed at the end of the year during the Northeast monsoon. The findings of this study could benefit the Selangor health authorities in developing effective strategies to minimise transmission of the disease under specific conditions.

Keywords : *Climate change; Generalized additive model; Generalized linear model; HFMD; Infectious disease*

ID : S165

PENGANGGARAN KADAR KEMATIAN PENDUDUK MALAYSIA MENGGUNAKAN MODEL LEE-CARTER DENGAN VARIAN TEMPOM PENYUAIAN

NUR SHATIKAH MOHAMAD IBRAHIM, NORAZLIANI MD LAZAM & SYAZREEN NIZA SHAIR^{*}

Centre for Actuarial Studies, Faculty of Computer and Mathematical Sciences, Universiti Teknologi Mara Shah Alam, 40450, Selangor, Malaysia

Kajian ini bertujuan untuk menganggarkan kadar kematian penduduk Malaysia mengikut umur dan jantina dengan menggunakan model Lee-Carter yang terkenal. Data diperoleh daripada Jabatan Perangkaan Malaysia merangkumi kadar kematian berpusat mengikut umur dan jantina dari tahun 1970 sehingga 2018. Dua set tempoh penyuai model yang berbeza ditentukan berdasarkan perubahan pada pemerhatian corak indeks kematian selama bertahun-tahun. Set A terdiri dari tempoh penyuai selama 24 tahun iaitu dari tahun 1970 hingga 1993 manakala Set B terdiri dari tempoh penyuai model selama 31-tahun iaitu dari tahun 1970 hingga 2000. Penilaian kesesuaian sampel dalaman model Lee-Carter dilakukan dengan menggunakan *Akaike Information Criterion* (AIC) dan *Bayesian Information Criterion* (BIC), manakala ralat sampel luaran dikira menggunakan *Mean Absolute Percent Errors* (MAPE) dan *Root Mean Square Error* (RMSE). Hasil kajian menunjukkan bahawa set A lebih sesuai untuk memasukkan data Malaysia ke dalam model Lee-Carter daripada set B, dengan mempunyai nilai AIC dan BIC yang lebih rendah, seterusnya menghasilkan nilai ramalan sampel luaran yang lebih tepat untuk penduduk wanita di Malaysia. Model Lee-Carter adalah model yang boleh yang sesuai untuk data Malaysia, namun perhatian yang tinggi mesti diberikan untuk memilih tempoh penyuai model yang dapat mengurangkan ralat penganggiran kadar kematian..

Katakunci : *Kadar kematian; Jangka hayat; Ramalan; Lee-Carter*

FORECASTING MALAYSIAN MORTALITY RATES BY USING THE LEE-CARTER MODEL WITH FITTING PERIOD VARIANTS

This study aims to forecast Malaysian mortality rates by age and gender using the well-known Lee-Carter model. The observed age-specific mortality rates and life expectancy at births are analysed. Data is obtained from the Department of Statistics Malaysia which consists of central mortality rates by age and gender from year 1970 to 2018. The accuracy of in-sample and out-sample errors are estimated by utilising two different sets of fitting periods which were determined based on the observations of changes in mortality index patterns over the years. The Set A consists of 24-year fitting period from 1970 to 1993 whereas Set B comprises 31-year fitting period from 1970 to 2000. The in-sample evaluation of the Lee-Carter model are performed using the AIC and BIC whereas the out-sample errors are calculated using the MAPE and RMSE. Results show that the set A is better fitted into the Lee-Carter model than that of set B by having lower values of AIC and BIC, consequently produced more accurate out-sample forecast values than set B. The Lee-Carter model is a reliable model for Malaysia data, however careful attention must be given when selecting the best fitting period.

Keywords : *Mortality; Life expectancy; Forecast; Lee-Carter*

ANALISIS PRESTASI AKADEMIK HUFFAZ MENGGUNAKAN MODEL REGRESI LOGISTIKNURUL ANASUHAH ZAKARIA¹, TAHIR AHMAD^{1*}, SITI RAHMAH AWANG² AND AJMAIN SAFAR³¹Department of Mathematical Sciences, Faculty of Science, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Malaysia²Azman Hashim International Business School, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor, Malaysia³Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor, Malaysia

Kebelakangan ini pengajian tahfiz dwi-sistem mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dalam kalangan ibu bapa. Sedar betapa Islam itu penting untuk pembangunan insan telah menyebabkan ramai dari kalangan ibu bapa yang mahu anak-anak mereka dididik dengan norma-norma Islam sekaligus memperoleh prestasi akademik yang cemerlang. Walaubagaimanapun, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang tidak berkesan memberi impak terhadap minat dan prestasi akademik huffaz. Justeru itu, penelitian terhadap kecerdasan dan gaya pembelajaran huffaz wajar untuk dikaji bagi membantu kecemerlangan prestasi akademik huffaz. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti unsur kecerdasan dominan dalam kalangan pelajar tahfiz sekolah menengah berdasarkan teori kecerdasan pelbagai atau Multiple Intelligence (MI) bagi meningkatkan prestasi akademik dengan menggunakan kaedah analisis regresi logistik binomial. Kajian melibatkan 130 orang pelajar, 79 orang pelajar lelaki (60.8 %) dan 51 orang pelajar perempuan (39.2 %) dari empat buah sekolah tahfiz. Dapatan kajian menunjukkan kejayaan huffaz dalam hafazan al-Quran merupakan pemacu utama yang mendorong kecemerlangan prestasi akademik. Selain itu, kajian mendapati huffaz yang mempunyai kecerdasan semulajadi yang tinggi lebih berpotensi untuk mendapatkan prestasi akademik yang cemerlang.

Katakunci : *Prestasi akademik; Teori kecerdasan pelbagai; Regresi logistik binomial*

DETERMINATION OF HUFFAZ ACADEMIC ACHIEVEMENT USING BINARY LOGISTIC REGRESSION MODEL

There have been increasing awareness among parents to send their children to dual-system tahfiz schools. However, mode of teaching in these schools may pose shortcomings to their students' (huffaz) academic performances. Therefore, identification of huffaz' intelligences, needs, curriculums, and learning styles offer in these schools are worthwhile to be investigated. The aims of this study are to identify dominant intelligence among huffaz that is based on Gardner's multiple intelligence theory and to describe the relationship between academic achievement and Quran memorization performances of the huffaz. A number of 130 tahfiz students (79 male and 51 female) from four different tahfiz schools are the subjects in this study. Binomial logistic model is used to determine factors that influence huffazs' academic performances. Results show huffazs' Quranic performances (memorization) do influence their academic performances. Furthermore, naturalist intelligence is determined as the dominant intelligence among huffaz.

Keywords : *Academic performance; Multiple intelligence theory; Logistic regression analysis*

PEMBANGUNAN SISTEM BONUS MALUS (BONUS MALUS SYSTEM - BMS) BERSERTA KADAR DEDUKSI BERSEKUTUAN DAN MEKANISME KAWALAN UNTUK MENGAWAL KADAR DAN KEKERAPAN TUNTUTAN BAGI PORTFOLIO INSURANS PERUBATAN DAN KESIHATAN

RABI'ATUL'ADAWIYAH ABDUL RAZAK, NORAZLIANI MD LAZAM* & MOHD NAZRUL MOHD AMIN

Centre for Actuarial Studies, Faculty of Computer and Mathematical Sciences, Universiti Teknologi Mara Shah Alam, 40450, Selangor, Malaysia

Kajian penyelidikan ini merupakan kajian peringkat awal dalam melaksanakan sistem Bonus Malus (BMS) bagi Insurans Perubatan dan Kesihatan (MHI). Aplikasi Sistem Bonus Malus (BMS) ini ke atas insurans kenderaan adalah perkara biasa, namun, untuk menggunakan kepada sistem insurans kesihatan adalah sesuatu yang inovatif. Kajian ini bertujuan untuk memperagakan sebuah sistem yang boleh mengawal kadar dan kekerapan tuntutan dan pada masa yang sama, menawarkan kadar deduksi yang adil bagi portfolio Insurans Perubatan dan Kesihatan (MHI). Dipercayai bahawa, dengan pelaksanaan sistem ini, ia mampu mewujudkan situasi yang menguntungkan kedua-dua pihak, penanggung insurans dan pengambil insurans. Bagi pihak penanggung insurans, keadaan ini membantu dalam membendung pertumbuhan tuntutan palsu manakala bagi pihak pengambil insurans pula, ianya dapat melindungi mereka dari dikenakan denda atau penalti kerana membuat tuntutan. Kajian ini menggunakan model peralihan Markov Chain bagi mengenalpasti skala untuk sistem Bonus Malus (BMS). Kadar jangkaan jumlah dan kekerapan tuntutan adalah data yang diekstrak daripada kajian Project Oversight Group (POG), iaitu projek di bawah tajuk Group Medical Insurance Large Claims Database Collection and Analysis, dan disimulasi menggunakan simulasi Monte Carlo di dalam aplikasi Excel. Kadar deduksi yang adil didefinisi berdasarkan kadar deduksi sedia ada yang terdapat di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan skala ideal sistem Bonus Malus (BMS) yang didemonstrasi berdasarkan jumlah dan ketetapan tuntutan yang saksama, berjaya menghasilkan kerangka matriks Bonus Malus (BMS) yang lebih efektif. Jumlah deduksi yang dicadangkan kepada pengambil insurans merangkumi julat antara RM2,500 ke RM10,000, yang boleh dipilih sebagai opsi untuk mereka merancang pengurusan tuntutan mereka di masa hadapan. Pengambil insurans dengan kadar deduksi terendah mempunyai kebarangkalian tertinggi untuk dikenakan penalti berbanding pengambil insurans dengan kadar deduksi tertinggi. Dengan anggaran kadar deduksi yang adil dan pengawalan sistem tuntutan yang efektif, kerangka sistem Bonus Malus (BMS) didapati lebih cekap dan sesuai dilaksanakan di dalam industri Insurans Perubatan dan Kesihatan (MHI).

Katakunci : *Bonus-malus sistem; Insurans stop loss; Deductibles; Insurans perubatan dan kesihatan; Markov Chain*

DEMONSTRATING BONUS MALUS SYSTEM (BMS) WITH FAIR DEDUCTIBLES AMOUNT AND CONTROL MECHANISM OF CLAIM AMOUNT AND FREQUENCY ON MEDICAL AND HEALTH INSURANCE PORTFOLIO

This paper presents the preliminary work of implementing the BMS in the Medical and Health Insurance (MHI). The application of the Bonus Malus System (BMS) is common in automobile insurance, but having it on MHI portfolio is something innovative. This study aims to demonstrate a system that can control the claim amount and frequency while at the same time imposing fair deductibles amount on the MHI's portfolio. It is believed that, this implementation provides a win-win situation to both insurer and insured. To the insurer, this helps to curb the growth of fraudulent claims and to the insured, this protects the policyholders from being penalised of making necessary claims. This study uses Markov Chain transition models to identify the scale for BMS. The expected claim amount and frequency database were extracted from the Project Oversight Group (POG) research project entitled Group Medical Insurance Large Claims Database Collection and Analysis, and simulated using the Monte Carlo simulation in Excel application. The fair deductibles amount was defined based on the existing deductibles available in Malaysia. Results show that an ideal scale of the BMS which were demonstrated by equitable claim amount and frequency have produced an effective framework of BMS matrix. Varying deductibles amount ranging from RM2,500 to RM10,000 have given options to the insured to plan for their own claim management. Insureds with lower deductible amounts have the highest probability of being penalised as compared to those with higher deductible amounts. With fair estimations of deductible amounts and effective control of claim system, the BMS framework is seen to be efficient and feasible for the application in the MHI industry.

Keywords : *Bonus-malus system; Stop loss insurance; Deductible; Medical and health insurance; Markov chain*

MODEL LINEAR CEBIS-DEMI-CEBIS DAN ANALISIS TITIK PERUBAHAN BAGI WABAK COVID-19 DI MALAYSIA

P PHANG^{1*}, N A ABDUL TAIB¹, R SAFII² & J LABADIN¹

¹ Faculty of Computer Science and Information Technology, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

² Department of Community Medicine and Public Health, Faculty of Medicine and Health Science, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

Di Malaysia, COVID-19 pertama kali dikesan sebagai kes import pada 25 Januari dan sebagai jangkitan tempatan pada 4 Februari 2020. Susulan daripada itu, kes positif berlonjak naik pada bulan Mac 2020 sehingga disusuli dengan pelaksanaan turutan siri langkah-langkah mitigasi dan pembendungan peringkat kebangsaan yang dikenali sebagai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kajian ini menumpu pada kesan langsung PKP terhadap kadar pertumbuhan epidemik dengan menganalisa kes kumulatif dan jangkitan harian COVID-19 sehingga 31 Disember 2020 di Malaysia dan kesemua negerinya dengan menggunakan model regresi linear cebis-demi-cebis dan segmen algoritma untuk analisis titik perubahan. Berpandu kepada regresi cebis demi cebis pada kes jangkitan di seluruh Malaysia, PKP berkemungkinan dapat meratakan lengkung epidemic dalam masa satu bulan sahaja selepas ia dilaksanakan buat kali pertama. Manakala untuk kes jangkitan di peringkat negeri, purata jangka masa siri cebisan linear bersifat cekung ke bawah adalah enam bulan sebelum ia bertukar kepada cekung ke atas, di mana ia menunjukkan jangkaan tempoh kes jangkitan baru menurun. Walau bagaimanapun, masa bermulanya gelombang COVID-19 ini adalah berbeza sebanyak tiga bulan bagi negeri dan wilayah persekutuan yang berlainan. Bersama-sama dengan analisis titik perubahan pada kes jangkitan harian, fasa epidemik pada peringkat negeri boleh dibahagi kepada dua hingga empat rejim, di mana kebanyakan fasa transisi berlaku dalam bulan April dan suku terakhir tahun 2020. Secara keseluruhan, permodelan statistik ini menunjukkan kesan segera PKP adalah efektif.

Katakunci : *Model linear cebis-demi-cebis; Analisis titik perubahan; Pembahagian segmen; Perintah Kawalan Pergerakan (PKP); Kadar pertumbuhan epidemik*

PIECEWISE LINEAR MODELLING AND CHANGE-POINT ANALYSIS OF COVID-19 OUTBREAK IN MALAYSIA

In Malaysia, COVID-19 were first detected as imported cases on 25 January and as local infection on 4 February 2020. A surge of positive cases ensued by March 2020 which led to a series of country-wide containment and mitigation measures known as Movement Control Order (MCO). We analyze the cumulative and daily infection cases of COVID-19 in Malaysia and its states using piecewise linear regression model and segment neighborhoods algorithm of changepoint analysis. Our analysis is up to 31 December 2020 which marks the end of one of the stages in MCO. For our study period, through the piecewise segmentation of COVID-19 logarithm transformation cumulative data, the most rapid epidemic growth rate in entire Malaysia is found to lie between 29 February and 23 March, followed by moderate and slow growth period prior to another increase which kicked off on 21 September. However, the starting of this wave of COVID-19 can be relatively vary for three months in different states and federal territories. Together with changepoint analysis on daily cases, the statewide epidemic phases could be subdivided into two to four regimes, whereby the majority of phase transitions fall in April and last quarter of 2020. Overall, the statistical modelling shows the immediate effect of MCO appears to be effective.

Keywords : *Piecewise linear model; Change-point analysis; Segmentation; Movement Control Order (MCO); Epidemic growth rate.*

ANALISA KEMATIAN BERDASARKAN KUMPULAN PENDAPATAN BAGI PENJAWAT AWAM DI MALAYSIA

NORAZLIANI MD LAZAM, SYAZREEN NIZA SHAIR, AHMAD MUZZAMIR AHMAD RERAH, ANIS ARISAH KAMARUL ARIFFIN, NUR IZZATI NABILAH MOHAMAD ZAINI & NURAINI MOHAMAD YUDEN

Centre for Actuarial Studies, Faculty of Computer and Mathematical Sciences, Universiti Teknologi Mara, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia

Kajian penyelidikan ini menganalisa tren kematian dan kaitannya dengan faktor pendapatan bagi tempoh 2009-2018. Faktor pendapatan diketahui mempengaruhi faktor penentu kematian dalam pelbagai cara. Individu dengan pendapatan lebih tinggi diketahui mengalami kadar kematian yang lebih rendah berbanding dengan mereka yang berpendapatan rendah. Ketidaksamaan pendapatan mendorong risiko kematian yang lebih tinggi kerana akses kesihatan yang terhad dan tidak seimbang. Akhirnya, ini boleh menyebabkan perbezaan sosial dan mewujudkan keadaan ekonomi yang tidak sihat kepada negara. Kajian ini bertujuan untuk menganalisa tren kematian dengan lebih mendalam berdasarkan pembahagian pendapatan di kalangan penjawat awam di Malaysia. Angka kematian masa depan juga dianggarkan untuk tempoh sepuluh tahun akan datang, dari tahun 2019 dan 2028. Kajian ini menggunakan model Heligman-Pollard untuk mempersonalisasikan data umur berkumpulan bagi kumpulan pendapatan di kalangan penjawat awam. Seterusnya, kajian ini menerapkan Model Lee Carter untuk menganggar kadar kematian yang kemudiannya diramalkan menggunakan model ARIMA. Hasil kajian menunjukkan bahawa kumpulan berpendapatan rendah mencatatkan kadar kematian lebih tinggi daripada kumpulan berpendapatan sederhana dan tinggi. Sementara, kumpulan berpendapatan tinggi memberikan korelasi terkuat dengan kadar kematian dengan korelasi positif tertinggi yang dicatatkan pada tahun 2013. Korelasi paling lemah dicatatkan oleh kumpulan berpendapatan rendah dengan korelasi negatif terendah dicatatkan pada tahun 2009. Kadar kematian yang diramalkan menunjukkan peningkatan secara beransur-ansur mengikut setiap kumpulan pendapatan rendah, menengah dan tinggi masing-masing bermula dari usia 30, 33 dan 36 tahun. Kenaikan kadar kematian mempengaruhi golongan berpendapatan rendah lebih awal daripada kumpulan berpendapatan tinggi. Kajian ini dapat memberi ramalan kematian yang lebih sesuai dan tepat berdasarkan status pendapatan juga dapat memperkuatkan sistem keselamatan sosial dan kesihatan awam di Malaysia melalui peruntukan dana sosial dan kesejahteraan yang lebih adil.

Katakunci : *Kadar mortality berdasarkan pendapatan; Ketaksamaan pendapatan; Model Lee Carter; ARIMA*

MORTALITY ANALYSIS BY INCOME GROUP OF CIVIL SERVANTS IN MALAYSIA

This paper presents a study on the mortality trend and its correlation with the income factor for the period of 2009-2018. Income factor is known to affect the social determinant of mortality in many ways. Individuals with higher income are known to experience lower mortality rates as compared to those with lower income. Income inequality promotes higher mortality risks due to limited and imbalance access of healthcare. Eventually, this may lead to social disparity and unhealthy economic situation to the country. This paper aims to further analyse the mortality trend based on the income distribution among civil servants in Malaysia. Future mortality rates are then being estimated for the next ten years, from 2019 and 2028. This study uses Heligman-Pollard model to individualise the age group data of the civil servant income groups. Next, this study applies the Lee Carter Model to fit and estimate the mortality rates which then be forecasted using the ARIMA model. Results show that low income group recorded higher mortality rates than middle and high income groups. Whilst, the high income group provides strongest correlations to mortality rates with the highest positive correlations recorded in 2013. The weakest correlations recorded by low income group with the lowest negative correlations recorded in 2009. The forecasted mortality rates show gradual increase according to each income group of low, middle and high starting from ages 30, 33 and 36 respectively. The increase in mortality rates affects the lower income group earlier than the higher income group. This study provides a customized and accurate mortality forecast by income status that strengthens the social security and public health systems in Malaysia through fair allocation of social funding and welfare.

Keywords : *Mortality by income status; Income inequality; Lee Carter Model; ARIMA*

RAMALAN PENGELUARAN MINYAK SAWIT MENTAH DI MALAYSIA MENGGUNAKAN MODEL SARIMA

SITI AMNAH MOHD TAYIB, SITI ROHANI MOHD NOR & SITI MARIAM NORRULASHIKIN

Department of Mathematical Sciences, Faculty of Science, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Malaysia

Hari ini, ramalan tepat mengenai arah aliran bermusim pengeluaran minyak sawit mentah adalah sangat penting bagi kerajaan dan pengurusan petani dalam membantu membuat keputusan. Kajian ini bertujuan untuk meramal pengeluaran minyak sawit mentah Malaysia dengan menggunakan model Purata Bergerak Bersepadu Autoregresif Bermusim. Data bulanan minyak sawit mentah Malaysia diperolehi dari Lembaga Minyak Sawit Malaysia, dari Januari 2014 hingga September 2019. Model Purata Bergerak Bersepadu Autoregresif Bermusim telah digunakan pada data dengan menggunakan pendekatan Box-Jenkins. Berdasarkan pemeriksaan kecukupan dan ujian ketepatan, SARIMA(1,0,0)(0,1,1)₁₂ adalah model yang paling terbaik untuk pengeluaran minyak sawit mentah Malaysia. Hasil daripada penemuan itu, model SARIMA(1,0,0)(0,1,1)₁₂ merupakan pilihan terbaik bagi pembuat keputusan untuk membuat ramalan jangka panjang yang boleh dipercayai dan tepat untuk pengeluaran minyak sawit mentah Malaysia.

Katakunci : *Minyak sawit mentah; Ramalan; Purata bergerak bersepadu autoregresif bermusim*

FORECASTING ON THE CRUDE PALM OIL PRODUCTION IN MALAYSIA USING SARIMA MODEL

Today, accurate prediction on the seasonal trend of the crude palm oil production is critical for the government and agriculturist management to aid in decision-making. The study aims to forecast the Malaysia crude palm oil production by using the Seasonal Autoregressive Integrated Moving Average model. The monthly data of Malaysia crude palm oil production were obtained from Malaysian Palm Oil Board, from January 2014 until September 2019. The Seasonal Autoregressive Integrated Moving Average model was applied to the data by using the Box-Jenkins approach. Based on the adequacy checking and accuracy testing, SARIMA(1,0,0)(0,1,1)₁₂ is the best fitted model for the Malaysia crude palm oil production. As a result of the findings, the SARIMA(1,0,0)(0,1,1)₁₂ model appears to be the best choice for decision makers to make reliable and accurate long-term forecasts on Malaysia crude palm oil production.

Keywords : *Crude palm oil; Forecast; Seasonal autoregressive integrated moving average*

PEMODELAN JANGKA HAYAT SISTEM KOMPONEN SELARI DENGAN KOVARIAT, DATA TERTAPIS KANAN DAN SELANG

TEONG XIAO HUI & JAYANTHI ARASAN *

Department of Mathematics, Universiti Putra Malaysia, Jalan Universiti 1 Serdang, 43400 Seri Kembangan, Selangor

Penyelidikan ini bertujuan untuk memodelkan jangka hayat sistem komponen selari dengan kovariat, data tertapis kanan dan selang. Jangka hayat komponen dianggap mengikuti taburan eksponensial, dengan kadar kegagalan berterusan. Kajian simulasi dilakukan untuk menilai prestasi anggaran kebolehdan maksimum, tanpa dan dengan kaedah imputasi titik tengah pada pelbagai saiz sampel, kadar penapisan, dan jumlah komponen dalam sistem. Gabungan yang menghasilkan anggaran parameter terbaik kemudian dikenal pasti dengan membandingkan nilai kepincangan, ralat piawai dan punca min ralat kuasa dua anggaran tersebut. Hasil simulasi menunjukkan bahawa kaedah imputasi titik tengah menghasilkan anggaran parameter yang lebih cekap dan tepat dengan nilai kepincangan, ralat piawai dan punca min ralat kuasa dua yang lebih kecil. Secara umum, anggaran yang lebih baik diperoleh pada tahap penapisan rendah, saiz sampel yang besar, dan jumlah komponen selari yang tinggi dalam

sistem. Model yang dicadangkan kemudian dipadankan pada data sebenar pesakit retinopati diabetes yang diubah suai. Berikutan itu, ujian bukan parametrik, ujian Log-Rank dan ujian hipotesis Wald dijalankan untuk mengkaji kepentingan usia sebagai kovariat dalam model. Hasil kajian menunjukkan bahawa model tersebut sesuai dengan data sebenar dan usia pesakit tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap jangka hayat mata pesakit.

Katakunci : *Model eksponen selari; Kovariat; Data tertapis*

MODELING LIFETIME OF PARALLEL COMPONENTS SYSTEM WITH COVARIATE, RIGHT AND INTERVAL CENSORED DATA

This research aims to model the lifetime of parallel components system with covariates, right, and interval censored data. The lifetimes of the components are assumed to follow the exponential distribution, with constant failure rates. A simulation study is conducted to assess the performance of the maximum likelihood estimates, without and with midpoint imputation method at various sample sizes, censoring proportions, and number of components in the system. The combination which produces the best parameter estimates is then identified by comparing the bias, standard error and root mean square error of these estimates. The simulation results indicate that the midpoint imputation method produces more efficient and accurate parameter estimates with smaller bias, standard error and root mean square error. Also, in general, better estimates are obtained at low censoring levels, large sample sizes, and a high number of parallel components in the system. The proposed model is then fitted to a modified real data of diabetic retinopathy patients. Following that, the non-parametric log-rank test and Wald hypothesis test are carried out to check the significance of the covariate, age in the model. The results show that the model

fits the data rather well and the age of patients has no significant effect on the survival time of the patients' eyes.

Keywords : *Parallel exponential model; Covariates; Censored data.*

ID : S193

PENILAIAN BERSTATISTIK TAHAP KEPEKATAN PM10 DI MALAYSIA KERANA TITIK PANAS

ROSSITA MOHAMAD YUNUS¹ & YONG ZULINA ZUBAIRI²

¹Institute of Mathematical Sciences, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

²Centre for Foundation Studies in Sciences, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

Memahami hubungkait antara konsentrasi PM10 harian Malaysia dengan titik panas domestik dan asing membantu dalam meningkatkan pengurusan kualiti udara dan kesedaran masyarakat. Kajian ini mewujudkan hubungan statistik antara kepekatan PM10 dan titik panas untuk data Malaysia. Tahap kepekatan PM10 harian dari enam buah stesen di Malaysia antara 1 Jan 2014 hingga 31 Dis 2015 dianalisis menggunakan regresi linear berganda dengan transformasi log PM10 sebagai pemboleh ubah sambutan dan sinus, kosinus, PM10 lag satu hari, titik panas domestik dan asing sebagai peramal. Kriteria Maklumat Akaike (AIC) digunakan untuk mendapatkan model yang paling sesuai. Kami memerhatikan bahawa titik panas domestik tidak banyak mempengaruhi fluktuasi PM10, sedangkan kesan titik panas asing adalah signifikan untuk semua stesen yang dikaji. Plot raja menunjukkan model sesuai dengan data untuk kebanyakan stesen. Kajian ini memberikan pemahaman umum dan penilaian berstatistik terhadap data konsentrasi PM10 kerana pengaruh titik panas di Malaysia.

Katakunci : *Model regresi linear; Langkah demi langkah; Lag; AIC; Pencemaran; Jerebu*

STATISTICAL EVALUATION OF PM10 CONCENTRATION LEVELS IN MALAYSIA DUE TO HOTSPOTS

Understanding the relationship between Malaysia's daily PM10 concentration with domestic and foreign hotspots helps in improving air quality management and community awareness. This study establishes a statistical relationship between PM10 concentration and hotspots for Malaysian data. The daily PM10 concentration levels of six Malaysian stations ranging from 1 Jan 2014 to 31 Dec 2015 were analyzed using multiple linear regressions with log transformation of PM10 as the response variable and sine, cosine, one day lagged PM10, domestic and foreign hotspots as predictors. The Akaike Information Criterion (AIC) was used to obtain the best-fitted model. We observed that domestic hotspots have little impact on the PM10 fluctuation, whereas the foreign hotspots impact is significant for all the stations studied. The residual plots indicate the model fit the data well for most stations. This study provides a general understanding and statistical evaluation of the PM10 concentration data due to the influence of hotspots in Malaysia.

Keywords : *Linear regression model; Stepwise; Lagged; AIC; Pollution; Haze.*

ID : S213

KAJIAN TENTANG MODEL REGRESI BULATAN–GARIS LURUS

HANIN HAZWANI MOHAMMAD, SITI ZANARIAH SATARI* & WAN NUR SYAHIDAH WAN YUSOFF

Centre for Mathematical Sciences, Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang, Kuantan, Pahang, Malaysia.

Kaedah klasik garis lurus statistik tidak lagi sesuai digunakan untuk data bulatan kerana data tersebut dipengaruhi oleh faktor arah atau sudut. Memandangkan wujudnya kemungkinan data bulatan berperanan sebagai pemboleh ubah bergerak balas, maka telah berlaku perubahan daripada model klasik regresi garis lurus kepada model regresi garis bulatan-garis lurus sejak beberapa dekad yang lalu. Adalah sangat penting untuk mengambil kira ciri-ciri dan peranan data bulatan kerana ia boleh mempengaruhi analisa deskriptif dan inferens statistik. Seiring dengan perkembangan kajian mengenai isu ini, artikel ini akan membincangkan kajian-kajian mengenai model regresi bulatan-garis lurus di samping menentengahkan dan mengkaji manfaat dan kekurangan model-model tersebut.

Katakunci : *Data bulatan; Model regresi; Bulatan–garis lurus*

REVIEW ON CIRCULAR–LINEAR REGRESSION MODELS

Classical linear statistics method is no longer appropriate when handling circular data since the data is influenced by direction or angle. Considering the possibility of circular data appeared as dependent variable, it has resulted in the remodeling of classic linear regression model into circular–linear regression model over the past few decades. It is important to acknowledge these circular data characteristics as it can affect the descriptive and inference of statistical analysis. With the growing body of literature regarding this issue, this paper will review on circular–linear regression model by highlighting and exploring their benefits and limitations.

Keywords : *Circular data; Regression model; Circular–linear.*

ID : S215

TABURAN KEBARANGKALIAN BAGI KELAJUAN ANGIN DI MALAYSIA

AIMI LIYANA JALIL & HUSNA HASAN *

School of Mathematical Sciences, Universiti Sains Malaysia, 11800, USM Penang, Malaysia

Penyusutan sumber bahan api fosil yang pantas membawa kepada isu alam sekitar dan kesannya, menjadikan sumber alternatif seperti tenaga angin sebagai salah satu sumber yang boleh diperbaharui. Ciri-ciri statistik angin dan pemilihan turbin angin yang sesuai adalah penting untuk menilai potensi tenaga angin dan merangka ladang angin yang efektif. Oleh itu, penilaian yang tepat mengenai analisis tenaga angin dan data angin adalah penting sebelum analisis terperinci mengenai potensi tenaga dilakukan. Untuk mencapai tujuan ini, taburan kebarangkalian data kelajuan angin diambil kira dan parameternya dianggarkan. Kajian ini mempertimbangkan taburan yang paling banyak terpilih iaitu taburan Weibull (WE), Gama (GA) dan Logistik (LOGIS). Taburan-taburan ini disuai pada data kelajuan angin enam belas stesen meteorologi di Malaysia. Anggaran parameter dilakukan dengan kaedah kemungkinan maksimum (MLM). Kecekapan taburan model dianalisis. Ujian kebaikan penyuaian dilakukan menggunakan ujian Kolmogorov-Smirnov (K-S). Hasil kajian menunjukkan bahawa taburan Gama adalah taburan yang paling sesuai untuk data kelajuan angin di Malaysia kerana ia tersuai dengan baik bagi tiga belas stesen. Taburan Logistik didapati sebagai taburan terbaik bagi tiga stesen lain. Kaedah grafik juga menunjukkan keputusan yang serupa dengan hasil analisis.

Katakunci : *Kelajuan angin; Kebarangkalian; kaedah kemungkinan maksimum; Malaysia*

PROBABILITY DISTRIBUTION OF WIND SPEED DATA IN MALAYSIA

The rapid depletion of fossil fuel resources leads to environmental issues and impacts, making alternative resources such as wind energy to be one of the important renewable sources. The statistical characteristics of wind speed and the selection of suitable wind turbines are essential to evaluate wind energy potential and design wind farms effectively. Hence, an accurate assessment of wind energy and wind data analysis is crucial before a detailed analysis of energy potential is conducted. The probability distributions of wind speed data are considered, and its parameters are precisely estimated to achieve this aim. This study considers the most selected distribution, namely, Weibull (WE), Gamma (GA), and Logistic (LOGIS) distributions. These distributions are fitted to the wind speed data for sixteen stations in Malaysia. The parameter estimation is performed by the maximum likelihood method (MLM). The efficiency of the model distribution is analysed. The goodness of fit tests are performed using the Kolmogorov-Smirnov (K-S) test. The results show that Gamma distribution is the most suitable distribution for the wind speed data in Malaysia as it fits the data well for thirteen stations. The Logistic distribution is found to be the best distribution for the other three stations. The graphical method also agrees with the analytical result.

Keywords : *Wind speed; Probability distribution; Maximum likelihood method; Malaysia.*

ID : S221

ANALISIS TREN KADAR KEMATIAN BAWAH 5 TAHUN DI MALAYSIA MENGIKUT JANTINA DAN NEGERI

NURUL NAJWA BINTI MOHD RASID, WAN ZAKIYATUSSARIROH BINTI WAN HUSIN* & WAN FAIROS BINTI WAN YAACOB

Fakulti Sains Komputer dan Matematik, Universiti Teknologi MARA (Kampus Machang), Bukit Ilmu, 18500, Machang, Kelantan, Malaysia.

Tren kematian terutama di kalangan kanak-kanak adalah penunjuk utama atau kayu pengukur terhadap status sesebuah negara. Malaysia telah mengambil inisiatif untuk mengurangkan dan mengekalkan kadar kematian yang rendah di kalangan kanak-kanak di bawah umur lima tahun seperti yang telah ditekankan oleh *United Nation* (UN) dalam *Sustainable Development Goal* (SDG). Kertas kerja ini memaparkan tren kadar kematian di kalangan kanak-kanak di bawah lima tahun (U5MR) di Malaysia, menggunakan rekod kematian nasional dari Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) untuk tempoh 39 tahun (1980-2018) merentas jantina dan unit sub-nasional (negeri). Kami menggunakan analisis deskriptif dan plot garis untuk memerhatikan tren U5MR merentas jantina, sementara fungsi peta ('*filled map*') digunakan bagi memeriksa tren U5MR mengikut negeri (unit sub-nasional). Hasilnya, kami mendapati terdapat penurunan U5MR bagi kanak-kanak perempuan dan kanak-kanak lelaki sepanjang tempoh kajian. Selain itu, kadar kematian di kalangan kanak-kanak lelaki secara konsisten lebih tinggi berbanding dengan kanak-kanak perempuan. Biarpun U5MR di Malaysia menunjukkan tren yang menurun sepanjang tempoh kajian, namun terdapat perbezaan yang ketara dalam aspek U5MR diperingkat negeri. Sepanjang keseluruhan kajian ini, kadar kematian tertinggi berlaku di negeri-negeri yang sedang membangun terutamanya di bahagian timur

Semenanjung Malaysia dan bahagian Borneo Malaysia. Analisis kajian ini dapat menjadi rujukan bagi para ahli demografi dan perundangan yang bertanggungjawab di Malaysia untuk merangka dasar yang sesuai bagi memastikan U5MR dapat dikurangkan dengan jurang kematian kanak-kanak yang tipis merentas jantina dan negeri sebagaimana negara membangun yang lain. Kajian ini juga dapat menjadi garis panduan bagi jabatan kesihatan untuk melaksanakan strategi yang praktikal berfokus pada negeri yang sedang membangun dan luar bandar agar U5MR di Malaysia adalah sekata di seluruh negeri pada masa akan datang.

Katakunci : *Fungsi peta; Plot siri masa; Analisis tren; Kadar kematian bawah lima tahun; Malaysia U5MR*

TREND ANALYSIS OF UNDER-FIVE MORTALITY RATE IN MALAYSIA BY GENDER AND STATES

The mortality rate especially among children is a prime barometer of the overall status of a country. Malaysia has taken the initiative to reduce and remain the low mortality rate among children under-five as emphasized by United Nations in Sustainable Development Goal. This paper presented the trend of mortality rates among children under-five in Malaysia, using yearly national death data recorded from the Department of Statistics Malaysia (DOSM) from 1980 to 2018 across gender and sub-national unit (states). We used descriptive analysis and time series plot to observe the under-five mortality trend across gender, while the filled map function was used to examine the U5MR trend across states (sub-national unit) in Malaysia. As a result, we found a decreasing trend of U5MR for both male and female children across the years. Besides that, the mortality rate among male children was consistently higher compared to female children. Although the U5MR in Malaysia has shown a decreasing trend throughout the year, there was still a visible difference in U5MR across the states. Throughout the whole period of the study, the highest mortality rate was found in rural or underdeveloped states which were mainly on the East coast of the Peninsular and the Borneo part of Malaysia. This trend analysis can be used as a reference for the demographers and entitled legislator in Malaysia to draft a suitable policy to ensure the mortality rate among children can be reduced and achieve the thin gap of mortality rate across gender and states in comparison to the other developing countries. This study may also become a guideline for the health department to channel a practical approach focusing on the underdeveloped states to equally disperse Malaysia's U5MR across the states in the near future.

Keywords : *Filled map; Time series plot; Trend analysis; Under-five mortality rates; U5MR Malaysia.*

ID : S222

MENGAKSES KECEKAPAN PENGELUARAN BERAS KAWASAN JELAPANG DAN LUAR JELAPANG DI MALAYSIA MENGGUNAKAN ANALISIS PENYAMPULAN DATA

MOHD NORAZMI NODIN, ZAINOL MUSTAFA & SAIFUL IZZUAN HUSSAIN

School of Mathematical Sciences, Faculty of Science and Technology, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Prestasi kecekapan pengeluaran beras di peringkat nasional di Malaysia di antara kawasan jelapang dan luar jelapang dinilai dengan analisis penyampulan data (APD). Umumnya, kawasan jelapang mendapat perhatian yang lebih berbanding luar jelapang untuk mencapai kelestarian pembangunan beras. Penelitian tempoh kajian dari tahun 2009 hingga 2018 adalah berhubungkait dengan transformasi besar-besaran pihak kerajaan dalam pengukuhan rantaian nilai padi dan beras sejurus krisis makanan antarabangsa yang berlaku pada 2007-2008. Di bawah Dasar Agromakanan Negara (DAN), lebih banyak bantuan kerajaan berbentuk subsidi, insentif dan peruntukan pembangunan disediakan. Sejumlah keseluruhan lapan belas kawasan diklasifikasikan kepada lapan jelapang dan sepuluh luar jelapang. Analisis dijalankan berorientasikan output-input di bawah spesifikasi CRS dan VRS. Daripada skor nisbah kecekapan teknikal CRS dan VRS, kecekapan skala dapat diperolehi. Hasil kajian menunjukkan lapan (44.44%) daripada lapan belas kawasan mengekalkan tahap kecekapan yang tinggi dengan skor melebihi 0.9000 untuk kedua-dua spesifikasi. Sementara itu, bagi kecekapan teknikal 'tulen' (VRS), sebelas (61.11%) daripada lapan belas kawasan mengekalkan tahap kecekapan yang tinggi dengan skor melebihi 0.9000. Bagi status produktiviti, dua belas (66.77%) daripada lapan belas kawasan adalah optimum dan menunjukkan peningkatan produktiviti manakala baki enam kawasan (33.33%) menunjukkan penurunan produktiviti. Kajian empirikal ini juga menunjukkan terdapat variasi yang besar di antara output (pengeluaran beras) dan faktor-faktor pengeluaran

(kawasan bertanam, kekerapan penanaman, kawasan pengairan, subsidi dan insentif). Keseluruhannya, prestasi kecekapan industri padi dan beras Malaysia boleh dianggap masih kurang cekap tetapi berupaya memaksimumkan pengeluaran dan mencapai kecekapan pengeluaran menerusi rasionalisasi input yang digunakan, khususnya bagi kawasan yang kurang cekap.

Katakunci : *Kecekapan teknikal; Produktiviti; Analisis penyampulan data; Keselamatan makanan; Kecekapan skala*

ASSESSING RICE PRODUCTION EFFICIENCY OF THE GRANARY AND NON-GRANARY AREAS IN MALAYSIA USING DATA ENVELOPMENT ANALYSIS APPROACH

Pengenalan kepada saham patuh Syariah di Bursa Malaysia boleh dianggap sebagai suatu mekanisme pelaburan bersifat tanggungjawab sosial terutama bagi para pelabur Muslim. Peningkatan minat masyarakat terhadap pelaburan saham menyebabkan beberapa kaedah diperkenalkan untuk mengkategorikan dan memilih saham pilihan dengan berkesan. Kaedah pembuatan keputusan kabur juga menjadi pendekatan penting kerana sifat data yang tidak jelas dan tidak tepat dalam proses pembuatan keputusan. Namun begitu, beberapa pemudahan pengiraan tidak dapat dielakkan untuk mengurangkan kerumitan masalah dan akibatnya kehilangan maklumat penting mungkin berlaku. Dalam makalah ini, analisis relasional kelabu kabur (ARKK) berdasarkan kesamaan diusulkan untuk memberi susunan keutamaan kepada saham patuh Syariah yang terpilih. Elemen ukuran kesamaan diperkenalkan dalam ARKK untuk mengurangkan kehilangan maklumat dalam pengiraan apabila jarak antara nombor kabur digunakan. Ukuran kesamaan mampu menangkap lebih banyak maklumat berbanding dengan ukuran jarak kerana dalam pengiraan, ciri tambahan pada geometri nombor kabur akan digabungkan. Prosedur ARKK yang ditambahbaik ditawarkan dan dilaksanakan untuk memberi susunan peringkat stok patuh Syariah terpilih berdasarkan beberapa kriteria analisis asas. Perbandingan kemudian dibuat pada keputusan yang diperoleh daripada prosedur yang dicadangkan dengan ARKK yang asal.

Katakunci : *Pembuatan keputusan kabur; Pemilihan saham; Ukuran kesamaan; Analisis hubungan kelabu kabur*

SHARIA-COMPLIANT STOCK PREFERENCE USING SIMILARITY BASED FUZZY GREY RELATIONAL ANALYSIS

The introduction of Sharia-compliant stocks at Bursa Malaysia can be considered as a type of socially responsible investing mechanism especially for the Muslim investors. An increase of public interest to stocks investment has led to introduction of methods of categorizing and selecting preferred stocks effectively. Fuzzy decision making methods have also become an important approach due to the nature of ambiguous and imprecise available data in the decision making process. Nevertheless, some simplifications are inevitable to reduce the complexity of the problem and consequently loss of vital information may occur. In this paper, a similarity based fuzzy grey relational analysis (FGRA) is proposed to rank selected Sharia-compliant stocks. An element of similarity measure is introduced in the original FGRA to reduce the loss of information in the computation when the distance between fuzzy numbers are utilized. The similarity measure has the ability to capture more information compared to distance measure since in the computation, additional geometrical features of fuzzy numbers will be incorporated. An improvised procedure of FGRA is offered and implemented to rank selected Sharia-compliant stocks based on some fundamental analysis criteria. A comparison is then made on the preference obtained by the proposed procedure with the original FGRA.

Keywords : *Fuzzy decision making; Stock selection; Similarity measure; Fuzzy grey relational analysis*

MODEL PENGOPTIMUMAN BAGI PENJADUALAN KERJA STAF PENGEMASAN HOTEL SEMASA SITUASI PANDEMIK

ZURAUIDA ALWADOOD*, NORLENDIA MOHD NOOR & NURUL AINAA MAINOR

Center of Mathematical Studies, Faculty of Computer and Mathematics Sciences, Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40000 Shah Alam, Malaysia

Kajian ini bertujuan untuk mengubahsuai model pengaturcaraan integer binari untuk mewakili masalah kehidupan sebenar dalam penjadualan kerja staf pengemasan hotel semasa wabak pandemik. Hotel di bawah kajian telah menjadi pusat kuarantin bagi orang yang baru pulang dari luar negara, sebelum mereka dibenarkan menuju ke destinasi lain di negara ini. Penjadualan kerja staf harus menjadi senario yang terbaik yang dapat mengoptimalkan kesemua sumber yang dimiliki, pada masa yang sama memuaskan semua kekangan operasi hotel. Cabaran utama adalah untuk melaraskan jadual kerja bagi membenarkan bilangan pekerja yang minima pada setiap masa disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan. Tujuan utama adalah untuk mengubahsuai model pengaturcaraan integer binari bagi menghasilkan bilangan optimum pekerja bagi setiap shif bagi setiap seksyen pengemasan yang terlibat dalam satu hari. Jadual mingguan disediakan bagi menentukan shif kerja bagi setiap pekerja, dengan mengambilkira hari cuti di antara hari bekerja, bilangan pekerja dalam setiap shif dan kekangan-kekangan lain. Dengan menyelesaikan model menggunakan perisian MATLAB, jadual mingguan baru hanya memerlukan 140 shif kerja, berbanding dengan 216 shif kerja semasa. Sebagai kesimpulan, model yang dicadangkan adalah berupaya untuk menghasilkan penyelesaian yang pantas dalam mengurangkan jumlah pekerja yang bekerja dalam seminggu, sewaktu wabak pandemik.

Katakunci : *Penjadualan pekerja; Pengaturcaraan integer; Model matematik*

AN OPTIMIZATION MODEL FOR HOTEL HOUSEKEEPING PERSONNEL SCHEDULING IN PANDEMIC OUTBREAK

This paper modified a Binary Integer Programming (BIP) model to represent the real-life problem of personnel scheduling during Covid 19 pandemic outbreak for a hotel housekeeping department. The hotel under study was used as a quarantine center for the people who flew back from the overseas before they could be allowed to their bound destination. The staff working schedule must be the best possible scenario that could optimize all the resources owned, at the same time satisfies all the operational constraints. The challenge is to quickly adjust the work schedule that could allow the least number of personnel working at any time due to the Movement Control Order (MCO) enforcement. The aim is to modify the BIP model formulation to produce the optimal number of personnel for each shift in each housekeeping section involved for each day. This weekly schedule is prepared to determine the shift duties for each personnel considering the rest day between working shifts, the required number of personnel for each shift and other constraints. By solving the model using MATLAB software, the new schedule needs a total of 140 working shifts in a week, as compared to the current schedule of 216 working shift for the same duration. In conclusion, the proposed mathematical model can provide a quick solution in reducing the workforce size during the pandemic outbreak.

Keywords : *Personnel scheduling; Integer programming; Mathematical model*

PENGOPTIMUMAN BILANGAN KERETA SEWA BAGI MEMENUHI PERMINTAAN DENGAN MENGGUNAKAN TEKNIK SIMULASI: KAJIAN KES SYARIKAT KERETA SEWA ABC

RUZANITA MAT RANI*, NORBAIZURA KAMARUDIN, NUR ATASYA AZMI, NURSAFIRAHANIS IBRAHIM & NUR ARDANI AMINAH MANSUR

Centre of Statistical and Decision Sciences Studies, Faculty of Computer and Mathematical Sciences, Universiti Teknologi Mara, 40450 Shah Alam, Selangor

Kajian ini melibatkan pengurusan kereta sewa Syarikat Kereta Sewa ABC di Shah Alam. Syarikat kereta sewa menghadapi cabaran untuk memenuhi permintaan pelanggan. Mereka selalu menghadapi kekurangan atau terlalu banyak kenderaan yang tidak digunakan pada hari-hari tertentu iaitu pada hari-hari bekerja, tetapi kenderaan ditenparkan sepenuhnya pada hujung minggu. Jadi, mereka memerlukan satu garis panduan bagi menguruskan kereta sewa dalam waktu yang sama dapat memenuhi permintaan pelanggan. Syarikat ini juga menghadapi masalah seperti pelanggan lewat mengembalikan kereta dan memberi kesan kepada pelanggan yang lain. Apabila masalah ini berlaku secara berkala, ia akan mempengaruhi syarikat. Bagi mencari penyelesaian untuk masalah ini, kami membina model simulasi menggunakan Microsoft Excel. Pemodelan simulasi dijalankan 100 kali untuk Kereta 1 hingga Kereta 30 untuk menghasilkan keputusan. Keputusan simulasi mengandungi purata pelanggan yang tidak dilayan, purata jumlah jualan dan jumlah purata kenderaan yang tidak digunakan. Kami melakukan simulasi sehingga 30 buah kereta sebagai alternatif. Model pemarkahan akan digunakan untuk mencari bilangan kereta sewa yang optimum berdasarkan alternatif dan pemberat yang diberikan untuk setiap pemboleh ubah. Penyelesaian dari kajian ini akan menjadi panduan bagi syarikat kereta sewa untuk menguruskan jumlah kereta yang perlu untuk perniagaan mereka. Pemilik kereta sewa perlu mengoptimalkan armada kereta sewa agar dapat meningkatkan pencapaian operasi perniagaan dan mengurus inventori kereta secara berhemah.

Katakunci : *Kereta sewa; Permintaan yang tidak menentu; Model simulasi; Model pemarkahan*

OPTIMIZATION NUMBER OF CAR RENTAL TO FULFILL THE DEMAND USING SIMULATION TECHNIQUE: A CASE STUDY OF ABC CAR RENTAL COMPANY

This study involves the car rental management of ABC Car Rental Company in Shah Alam. The car rental company faces a challenge to meet customer demand. They always face a shortage or too many vehicles unused on certain days on weekdays, but they are fully booked on the weekend. So, they need a guideline to manage their car rental to meet their customer demand. This company also faces a problem such as a customer returned the car late as it will affect the next customer. When this problem happens regularly, it affects the company. To find a solution to this problem, we build simulation model using Microsoft Excel. The simulation modelling is run 100 times for Car 1 to Car 30 to generate the result. The result of simulation contains average customer not served, average total sales and the average number of the unused car. From this simulation, we do up to 30 car alternatives. The scoring model will use to find the optimal number of car rental based on the alternatives and weightage given for every variable. The solution from this study will serve as a guideline for the car rental company to manage their number of cars for their business. The car rental owner needs to optimize their car rental fleet so that they can increase their business operations performance and managed their inventory of cars prudently.

Keywords : *Car rental; Uncertainty demand; Simulation model; Scoring model*

ID : R182

PENGUNAAN AHP-PROMETHEE II DALAM MEMILIH PEMBEKAL

MUHAMMAD AKMAL MD ISA*, NOR SHAHIRAH SAHARUDIN, NATASHA BELLA ANUAR & NOR FARADILAH MAHAD

Faculty of Computer and Mathematical Sciences (FSKM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban, Persiaran Seremban Tiga/1, Seremban 3, 70300, Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia

Proses penilaian dan pemilihan pembekal adalah proses pembuatan keputusan yang penting dalam mengurangkan kos rantaian bekalan dan meningkatkan kualiti bekalan kepada sesebuah organisasi. Pemilihan pembekal berdasarkan pengalaman mereka sahaja akan mempengaruhi risiko pembelian bekalan. Proses ini selalunya dipengaruhi oleh kriteria pemilihan yang bertentangan. Kajian ini mengaplikasikan kaedah Proses Hirarki Analitik (PHA) dan Preference Ranking Organization Method for Enrichment of Evaluation (PROMETHEE) II dalam menyelesaikan masalah pemilihan pembekal. PHA digunakan untuk menilai pemberat bagi kriteria yang dipilih. Manakala, PROMETHEE II yang merupakan salah satu daripada kaedah Membuat Keputusan Multi-Atribut berdasarkan kepada perbandingan setiap alternatif terhadap kriteria yang dipilih memungkinkannya susunan alternatif dari yang terbaik hingga yang terburuk. Data mengenai pemilihan pembekal bagi projek pembinaan landasan

kereta api digunakan untuk mengaplikasikan penggunaan kaedah AHP-PROMETHEE II. Data ini melibatkan empat pembuat keputusan, lima alternatif ($S1, S2, S3, S4, S5$) dan lapan kriteria pemilihan iaitu aspek bekalan ($C1$), tetapan masa ($C2$), pencapaian dalam penghantaran ($C3$), jumlah harga barangan ($C4$), cara pembayaran ($C5$), hubungan dengan pembekal ($C6$), skop produk ($C7$) dan kemampuan professional pembekal ($C8$). Dapatan kajian menunjukkan bahawa $C4$ adalah kriteria yang paling penting dalam memilih pembekal. Maka susunan bagi kriteria adalah $C4 > C8 > C1 > C2 > C5 > C7 > C6 > C3$ dan susunan bagi alternatif adalah $S2 > S1 > S4 > S3 > S5$. Dapatan kajian itu kemudiannya dibandingkan dengan keputusan daripada kajian sebelumnya. Analisa sensitiviti telah dijalankan dengan menukar pemberat bagi setiap kriteria terlibat kepada sifar satu demi satu. Kesimpulannya, AHP-PROMETHEE II boleh digunakan untuk menganalisa susunan pembekal dari yang terbaik hingga yang terburuk.

Katakunci : PHA; PROMETHEE II; Pemilihan pembekal

THE APPLICATION OF AHP-PROMETHEE II FOR SUPPLIER SELECTION

The evaluation and selection of the best supplier is a crucial decision-making process as it can reduce the supply chain cost and increase the quality of items supplied to a company. Choosing suppliers solely based on their previous experiences may contribute to higher purchase risk. The decision-making process usually influenced by a variety of criteria that are often in conflict. Thus, this study employs the integration of Analytic Hierarchy Process (AHP) method and Preference Ranking Organization Method for Enrichment of Evaluation (PROMETHEE) II to handle supplier selection issues. AHP method was adopted to evaluate the weights of criterion. PROMETHEE II is a Multi-Attribute Decision Making method that is based on a mutual comparison of each alternative pair with respect to each of the selected criterion allowing the rankings of the alternatives from the best to the worst. A real-life data about supplier selection for railways project was used to demonstrate the operation of AHP-PROMETHEE II method. The data involved four decision makers, five alternatives ($S1, S2, S3, S4, S5$) and eight criteria specifically; aspect of the items ($C1$), arrangement time ($C2$), shipment accomplishment ($C3$), total price of the item ($C4$), way of payment ($C5$), relation with supplier ($C6$), scope of product ($C7$), and supplier's professional ability ($C8$). The findings showed that $C4$ was the most preferred criterion among the chosen criteria. Thus, the ranking order for criteria was $C4 > C8 > C1 > C2 > C5 > C7 > C6 > C3$ while the ranking order for the alternatives was $S2 > S1 > S4 > S3 > S5$, respectively. The findings were then compared with the result from the previous research. The sensitivity analysis was conducted by reducing criteria weights to zero. In conclusion, AHP-PROMETHEE II can be used to analyse the perfect order from best to worst.

Keywords : AHP; PROMETHEE II; Supplier selection

ID : R244

PANDANGAN APLIKASI MCDM DALAM PENDIDIKAN

DURRANI AIMI ABDUL MALIK, YUHANI YUSOF^{*} & KU MUHAMMAD NA'IM KU KHALIF

Centre for Mathematical Sciences, College of Computing and Applied Sciences, Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang, Kuantan, Pahang, Malaysia

Keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran oleh pendidik memainkan peranan penting bagi negara untuk mempersiapkan potensi pelajar dalam revolusi industri baru (IR) yang akan datang. Walau bagaimanapun, perubahan pandemik COVID-19 dan perubahan dinamik dalam kurikulum telah menimbulkan penekanan yang signifikan kepada para pendidik. Oleh itu, masalah proses pengajaran dan pembelajaran pada masa kini, termasuk pemilihan pembelajaran keberkesanan yang sesuai, telah menjadi keputusan yang sukar bagi pendidik. Ia dapat diselesaikan dengan menggunakan kaedah membuat keputusan pelbagai kriteria (MCDM). Teknik MCDM banyak digunakan dan diterima dalam pelbagai bidang tetapi kurang dalam konteks pengajaran dan pembelajaran. Artikel ini mengkaji dan menganalisis jenis masalah keputusan yang paling diperhatikan pada pendekatan MCDM, teori set kabur yang diadaptasi dan juga kekurangan pendekatan tersebut. Tujuannya adalah untuk menganalisis dan mengenal pasti tinjauan literatur yang berkaitan dengan aplikasi MCDM dalam pendidikan sehingga atribut baru dan model MCDM yang sesuai untuk membuat keputusan dapat dicadangkan. Proses itu melibatkan membandingkan dan menganalisis aplikasi MCDM dan teori set kabur dalam pendidikan dengan mengkaji artikel berkaitan

dalam jurnal ilmiah antarabangsa dan persidangan antarabangsa yang terkenal. Sebilangan penambahbaikan dan kemungkinan kerja masa depan disarankan berdasarkan kekurangan. Hasil yang dikaji akan menimbulkan minat kepada Kementerian Pendidikan (KPM) kerana ia mencadangkan peningkatan proses pengajaran dan pembelajaran, yang akan membantu mencapai kepuasan yang lebih besar di kalangan pendidik dan pelajar.

Katakunci : *Pembuatan keputusan multi criteria; Teori Set Kabur; Proses Pengajaran dan Pembelajaran*

A VIEW OF MCDM APPLICATION IN EDUCATION

The effectiveness of the teaching and learning process by educators plays a significant role for countries to prepare students' potential in the forthcoming new industrial revolution (IR). However, the current COVID-19 pandemic and dynamic changes in the curriculum have created a significant shift of emphasis to educators. Hence, the teaching and learning process problems nowadays, including selecting appropriate effectiveness learning, have become a tough decision for educators. It can be solved using multi-criteria decision-making (MCDM) methods. The MCDM technique is widely applied and accepted in various fields but less in the teaching and learning context. This paper reviews and analyses the type of decision problems that were paid most attention to MCDM approaches, the adopted fuzzy set theory as well as inadequacies of those approaches. The purpose is to analyse and identify the literature review related to the applications of MCDM in education so new attributes and appropriate MCDM models for decision making can be suggested. The process involved comparing and analysing the MCDM application and fuzzy set theory in education by reviewing related articles in international scientific journals and well-known international conferences. Some improvements and possible future works are recommended based on the inadequacies. The reviewed result will create an interest to the Ministry of Education (MoE) as it proposes teaching and learning process improvement, which will help to achieve greater satisfaction among educators and students.

Keywords : *Multi criteria decision making; Fuzzy set theory; Teaching and learning process*

ID : R296

MODEL PENGATURCARAAN LINEAR UNTUK MASALAH PELABURAN DALAM MEMAKSIMUMKAN JUMLAH PULANGAN

SYARIFAH ZYURINA NORDIN^{1*}, FARHANA JOHAR² & NORATIKAH ABU³

¹Malaysia-Japan International Institute of Technology, Universiti Teknologi Malaysia, 54100 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia

²Mathematical Sciences Department, Faculty of Science, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor, Malaysia

³Centre for Mathematical Sciences, College of Computing and Applied Sciences, Universiti Malaysia Pahang, 26300 Gambang, Kuantan, Pahang, Malaysia

Dalam makalah ini, kami menumpukan perhatian pada masalah pelaburan simpanan tetap (FD). Masalah kami ialah bagaimana untuk memperuntukkan jumlah yang perlu dilaburkan untuk tempoh yang tertentu. Terdapat dua jenis jangka masa matang yang perlu dipertimbangkan iaitu jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Objektif kami adalah untuk memaksimumkan jumlah pulangan dari jumlah keseluruhan yang dilaburkan dengan permasalahan yang mempunyai peratusan pulangan tahunan yang berbeza. Model pengaturcaraan linear (LP) dicadangkan untuk menyelesaikan masalah pelaburan ini. Kami menjalankan eksperimen komputasi kajian kes untuk melihat prestasi model dengan menggunakan pakej Excel Solver Parameter.

Katakunci : *Masalah pelaburan; Simpanan tetap; Model pengaturcaraan linear*

LINEAR PROGRAMMING MODEL FOR INVESTMENT PROBLEM IN MAXIMIZING THE TOTAL RETURN

In this paper, we concentrate on the investment problem of fixed deposit (FD). Our problem is to allocate the amount invested to a suitable tenure. There are two types of maturity that need to be considered which are short term and long term. Our objective is to maximize the total return of the total amount invested with a different percentage of annual return. A linear programming (LP) model is proposed to solve this investment problem. We conduct a computational experiment of a case study to see the performance of the model by using the Excel Solver Parameter package.

Keywords : *Investment problem; Fixed deposit; Linear programming model*

PENGENALPASTIAN FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI ENROLMEN DALAM MATEMATIK TAMBAHAN BAGI PERBANDARAN DAERAH KUANTAN

ZUN LIANG CHUAN¹, CHOONG-YEUN LIONG², WAN NUR SYAHIDAH WAN YUSOFF¹, ADAM SHARIFF ADLI AMINUDDIN¹ & TAN EE HIAE³

¹Centre for Mathematical Sciences, College of Computing and Applied Sciences, Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang Kuantan, Pahang DM, Malaysia

²Department of Mathematical Sciences, Faculty of Science and Technology, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor DE, Malaysia

³Sekolah Menengah Kebangsaan Semambu, Depan Qtrs Loji Air Semambu, 25350 Kuantan, Pahang DM, Malaysia

Pekerja berkemahiran dan bertauliah dalam Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) adalah dijangka mempunyai permintaan yang tinggi pada era ekonomi digital abad ke-21. Dalam sistem pendidikan kebangsaan Malaysia, kunci utama bagi pendidikan STEM merupakan Matematik Tambahan. Walau bagaimanapun, statistik memaparkan bilangan pelajar menengah atas enrol dalam Matematik Tambahan telah mengalami kemerosotan yang teruk. Di samping itu, prasyarat enrol dalam pengkhususan STEM, dan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di peringkat pendidikan tertiar adalah mencapai minimum gred C dalam Matematik Tambahan. Oleh kerana sedemikian, objektif utama bagi makalah ini adalah mengenal pasti faktor-faktor keertian yang mempengaruhi para pelajar sekolah menengah enrol dalam Matematik Tambahan dengan menggunakan ujian khi-kuasa dua tanpa penyelarasan pembetulan selanjur Yates dan nisbah ods tanpa penyelarasan (OR). Suatu soal selidik sahlah yang merangkumi sembilan faktor yang berpotensi mempengaruhi enrolmen dalam Matematik Tambahan diagihkan kepada 389 pelajar tingkatan empat kohort 2020 daripada empat buah sekolah kebangsaan bandar terpilih untuk mencapai objektif ini. Berdasarkan dapatan kajian dalam makalah ini, beberapa inisiatif penggubal dasar dapat diambil seperti para guru boleh mengetengahkan kepentingan dan keluasan peluang kerjaya dalam STEM dan TVET pada era ekonomi digital abad ke-21, manakala ibu bapa para pelajar boleh menyertai dalam pembinaan mekasnima komunikasi dan koordinasi dengan sekolah. Sebagai akibatnya, bilangan pelajar enrol dalam pendidikan STEM mungkin dapat dipertingkatkan bagi menyalurkan modal insan STEM dan TVET masa hadapan untuk menampung dan menstabilkan ekonomi negara pada era digital.

Katakunci : *Matematik Tambahan; disiplin akademik STEM; nisbah ods tak terlaras; Revolusi Industri Keempat*

IDENTIFYING FACTORS THAT AFFECTED STUDENT ENROLLEMENT IN ADDITIONAL MATHEMATICS FOR URBAN AREAS OF KUANTAN DISTRICT

The skilful and qualified Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) workforces are expected to be in high demand in the 21st digital economy era. In Malaysia public education system, the principal key to STEM education is Additional Mathematics. However, the statistics depicted that the number of upper secondary students enrolled in Additional Mathematics have been severely delineated. Furthermore, the prerequisite to enrol in STEM, and Technical and Vocational Education and Training (TVET) courses in tertiary education is achieving a minimum grade C for Additional Mathematics. Therefore, the principal objective of this article is to identify the significant factors that affected the upper secondary students enrolled in Additional Mathematics using Pearson's chi-square test without Yates continuity correction and unadjusted odds ratio (OR). A validated questionnaire comprised of nine potential factors that affected enrollment in additional mathematics was distributed to 389 Form Four students' cohort 2020 from four selected urban government schools to pursue this objective. Based on the finding of this article, several initiatives might be taken by the policymakers such as the teachers may enhancing and throughout the broad of STEM and TVET careers in the 21st digital economy era, while the students' parents can participate in schools in building the communicating and coordinating mechanism. Consequently, the number of upper secondary enrolled in STEM education might be increased to pipeline the future STEM and TVET human capitals in sustaining and stabilising the national economy in the digital era.

Keywords : *Additional Mathematics; STEM discipline academic; Unadjusted odds ratio; Fourth industrial revolution*

KESAN KEBIMBINGAN PELAJAR TERHADAP PEMBELAJARAN TERHADAP PRESTASI PELAJAR DALAM KALKULUS 1 MENGGUNAKAN ANALISIS REGRESI PELBAGAI LINEAR

MARINA MOHAMED¹, ANISAH DASMAN¹, FADILA AMIRA RAZALI¹, NOR FADHILAH DZULKIFLI¹ & NORHUDA MOHAMMED¹

¹Faculty of Computer and Mathematics Sciences, Universiti Teknologi MARA Pahang, Jengka Campus, Malaysia

Kemunculan pandemik Covid-19 telah mengubah pendekatan pembelajaran yang mana pembelajaran atas talian telah menjadi platform yang paling sesuai. Perubahan drastik ini mempengaruhi kebimbangan pelajar terhadap pembelajaran mereka dari secara bersemuka (f2f) kepada atas talian (bukan f2f). Pelajar cenderung untuk merasa bimbang terhadap kemampuan mereka dalam pembelajaran sendiri dan ini menjadikan tahap keyakinan diri mereka rendah. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji kesan kebimbangan pelajar terhadap pembelajaran atas talian terhadap prestasi Kalkulus 1 mereka. Soal selidik atas talian menggunakan Google Form diedarkan kepada 217 pelajar Diploma Sains (AS120), UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka. Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan analisis regresi linear berganda. Hasil yang diperoleh menunjukkan pelajar mengalami kebimbangan terhadap pembelajaran atas talian yang mempengaruhi prestasi mereka terutama dalam Kalkulus 1. Dengan itu, implikasi kajian ini merangkumi pihak pensyarah dan juga pelajar yang menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran di atas talian dimana hasil dapatan ini dapat digunakan untuk membantu pensyarah bagi meningkatkan keyakinan pelajar dalam pembelajaran atas talian terutama dalam kursus Kalkulus 1.

Katakunci : Ketakutan pelajar; Prestasi pelajar; Pembelajaran atas talian, Analisis regresi linear berganda.

THE EFFECTS OF STUDENTS' ONLINE LEARNING ANXIETY ON THEIR PERFORMANCE IN CALCULUS 1 USING MULTIPLE LINEAR REGRESSION ANALYSIS

The emergence of the Covid-19 pandemic has changed the learning approaches such that online learning becomes the most suitable platform in the learning process. This situation influences students' anxiety towards their sudden shift in learning behaviour from face-to-face (f2f) to online learning non-face-to-face (non-f2f), which affects their performance in Calculus1. They are likely to feel anxious about their self-learning ability and this makes their self-confidence level low. Hence, this study was conducted to investigate the effects of students' anxiety on online learning towards their Calculus1 performance. An online questionnaire through Google Forms was distributed to 217 students of Diploma Sains (AS120), UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka. The collected data were analysed using multiple linear regression analysis. Based on the obtained results, out of the four factors of anxiety, the factor of assessment was found to affect students' anxiety towards online learning that further affects their performance, especially in Calculus1. Thus, the implication of this study caters both sides of lecturer and students in the online distance teaching and learning processes which by knowing the students' anxiety factors might help educators boost students' confidence in online learning, especially in the Calculus 1 subject.

Keywords : Students' Anxiety; Calculus 1 performance; Online learning, Multiple linear regression analysis

KESAN PENGGUNAAN KAEDAH PELBAGAI CARA DALAM PEMBELAJARAN MATEMATIK DI SEKOLAH MENENGAH

AMIRAH AINA YUSOF¹, NOR HAFIZAH A HAMID² & ZARITH SOFIAH OTHMAN²

¹Faculty of Education, Universiti Teknologi MARA Selangor Branch, Puncak Alam Campus, 42300 Puncak Alam, Selangor, Malaysia

²Centre of Foundation Studies, Universiti Teknologi MARA Selangor Branch, Dengkil Campus, 43800 Dengkil, Selangor, Malaysia

Penyelesaian bagi masalah matematik tidak hanya melibatkan satu kaedah sahaja, tetapi dengan menggunakan

kaedah pelbagai cara juga dapat membantu pelajar dalam mendapatkan penyelesaian. Kaedah pelbagai cara merupakan satu kaedah yang boleh diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi membolehkan pelajar mempelajari pelbagai kaedah dalam mencari jalan penyelesaian bagi satu soalan. Pelajar juga dapat mengaplikasikannya mengikut kesesuaian masalah yang diberi. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengkaji pandangan pelajar mengenai kesan penggunaan kaedah pelbagai cara dalam pembelajaran matematik. Kajian ini menggunakan dua pendekatan iaitu pendekatan kuantitatif (Bahagian A, B and C) dan pendekatan kualitatif (Bahagian D) iaitu menggunakan borang soal selidik serta soalan terbuka bagi mengumpul data. Seramai 100 pelajar dari sekolah menengah di Klang, Selangor, telah dipilih sebagai responden. Borang soal selidik diedarkan kepada responden yang dipilih secara rawak bagi menjawab soal selidik yang memfokuskan pandangan pelajar mengenai penggunaan kaedah pelbagai cara serta kesan penggunaan kaedah pelbagai cara terhadap kawal selia sendiri. Responden juga perlu menyatakan cabaran yang dihadapi dalam penggunaan kaedah pelbagai cara bagi menjawab soalan terbuka. Skala Likert telah digunakan dengan skala 1 (sangat tidak bersetuju) hingga skala 4 (sangat bersetuju). Hasil kajian mendapati pelajar menerima baik penggunaan kaedah pelbagai cara dalam pembelajaran matematik serta kaedah ini dapat memberi kesan kepada kawal selia sendiri. Melalui soalan terbuka, hasil kajian mendapati cabaran yang dihadapi oleh pelajar ketika menggunakan kaedah pelbagai cara adalah mereka keliru kerana mempunyai banyak kaedah, berasa sukar kerana kurang kemahiran dalam matematik dan juga melibatkan kekangan masa kerana perlu menghafal banyak kaedah.

Keywords : *Kaedah Pelbagai Cara, Pembelajaran Matematik, Sekolah Menengah*

THE EFFECTS OF MULTIPLE SOLUTION METHOD IN MATHEMATICS LEARNING FOR SECONDARY SCHOOL

Solving problems in mathematics does not involve a single method only. Using a multiple solution method can also assist students in seeking a solution. A multiple solution method is a method that can be applied in the process of teaching and learning in which students will learn a variety of methods to be applied in finding solutions for a single question. This paper reports a study conducted to review students' views of the effects of the use of a multiple solution method in learning mathematics. The study used two approaches: the quantitative approach (Section A, B and C) and qualitative approach (Section D), in a questionnaire for collecting data. 100 students from a secondary school located in Klang, Selangor were selected as respondents in this study. The questionnaire focused on the perceptions of students in using a multiple solution method and consequently the effect towards students' level of self-regulation. The Likert scale ranging from 1 (strongly disagree) to 4 (strongly agree) was used. All respondents were also instructed to indicate the challenges faced in the use of a multiple solution method in the open-ended questions. The results showed that students have a good perception on the use of a multiple solution method in mathematics learning. A multiple solution method can also affect students' self-regulation. The findings of the open-ended questions show that which are the challenges faced by students when use multiple solution method are get confused because it has many methods, it is hard because students lack mathematics skill, and also involve time constraints because they need to memorize many methods.

Keywords : *Multiple solution method, Mathematics learning, Secondary school*

ID : E185

TAHAP KEMAMPUAN DAN ANALISIS KESILAPAN PELAJAR DALAM TOPIK UNGKAPAN ALGEBRA

MAZLINI ADNAN¹, ZULHILMI ZAINAL ABIDIN¹, AFIAN AKHBAR MUSTAM², SITI MISTIMA MAAT³, SUTAMA¹, MARTYANA¹ & HUTKEMRI⁴

¹Faculty of Science and Mathematics, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Perak, Malaysia

²Institute of Teacher Education Technical Campus, Bandar Estek, 71760, Negeri Sembilan, Malaysia

³Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Malaysia

⁴Faculty of Education, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap kemampuan pelajar Tingkatan Satu dalam topik ungkapan algebra berdasarkan enam tahap dalam Tinjauan Taksonomi Bloom. Di samping itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal

pasti jenis kesalahan pelajar tingkatan satu dalam topik ungkapan algebra berdasarkan Analisis Kesalahan Newman. Responden kajian terdiri daripada 68 orang pelajar tingkatan satu yang dipilih dari beberapa buah sekolah di Melaka melalui kaedah persampelan rawak mudah. Data dalam kajian ini akan dianalisis secara deskriptif yang melibatkan frekuensi, peratusan dan min. Kajian ini menggunakan aplikasi 'Statistical Package of Social Science (SPSS) versi 26 untuk tujuan analisis. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar mengalami masalah dalam topik algebra. 3 daripada 6 tahap dalam Taksonomi Bloom tidak dapat dikuasai dengan baik oleh pelajar. Pelajar hanya menunjukkan tahap penguasaan yang tinggi dalam dua tahap pertama iaitu tahap mengingat dan tahap memahami. Pelajar mempunyai masalah yang paling ketara dalam tahap menilai dengan peratusan yang terendah. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar melakukan kesalahan dalam subtopik transformasi. Kajian juga menunjukkan bahawa kesalahan membaca adalah terendah. Kesimpulannya, para pelajar mempunyai masalah dalam menjawab soalan algebra terutamanya dalam subtopik transformasi. Implikasi bagi kajian ini adalah, Kementerian dan guru dapat menjadikan dapatan kajian ini sebagai rujukan mengenai tahap sukar dan jenis kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar tingkatan satu dalam topik algebra.

Katakunci : *Tahap kemampuan, Analisis kesalahan Newman, Ungkapan algebra, Pelajar tingkatan satu.*

THE ABILITY AND ANALYSIS OF STUDENTS' ERRORS IN THE TOPIC OF ALGEBRAIC EXPRESSION

This study aimed to determine the level of ability of Form One students in the topic of algebraic expressions based on the six levels in the Bloom's Taxonomy Revision. In addition, this study aimed to identify the types of errors of form one students in the topic of algebraic expressions based on Newman's Error Analysis. Respondents of this study consist of 68 form one students were selected from school in Melaka through simple random sampling method. The data in this study has been analysed in a descriptive basis involving frequency, percentages and mean. This study uses the application of 'Statistical Package of Social Science (SPSS) version 26 for the purpose of this analysis. The findings showed that the students have troubled in the topic of algebra. 3 of 6 levels in the Bloom's Taxonomy cannot be responded well by these students. Students only show high levels of mastery in the first two levels of remembering and understanding levels. Students have the most significant problems at evaluating level with the lowest percentage. The findings of this study also showed that most of students make an error in transformation. This study showed that error reading is lowest. In conclusion, these students have a problem answering the question of algebra and the type of common mistakes that are transformational problems. The implications of this study are, the Ministry and the teachers are able to makes reference to the difficult levels and the types of errors often made by form one students in the topic of algebra.

Keywords : *Level of ability; Newman's error analysis; Algebraic expression; Form One students*

ID : E207

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI UNTUK MENERUSKAN PEMBELAJARAN SECARA TERBUKA DAN JARAK JAUH: UTM PAHANG BERKONGSI PENGALAMAN

NOOR IZAN MOHAMAD ADNAN¹, SURIYATI UJANG², SHARIFAH NORHUDA SYED WAHID¹, NOR AZIZAH YACOB¹, AZNIZA AHMAD ZAINI³ & MOHD BAKRI ADAM⁴

¹Faculty of Computer and Mathematical Sciences, Universiti Teknologi MARA Pahang, Jengka Campus, Malaysia

²Faculty of Computer and Mathematical Sciences, Universiti Teknologi MARA Pahang, Raub Campus, Malaysia

³Faculty of Business and Management, Universiti Teknologi MARA Pahang, Raub Campus, Malaysia

⁴Faculty of Science, Universiti Putra Malaysia, Malaysia

Pandemik COVID -19 telah mempengaruhi dan menjejaskan hampir semua sektor di seluruh dunia, termasuk sektor pendidikan. Sebagai usaha untuk memutuskan rangkaian penyebaran virus, sekolah dan institusi pengajian tinggi kebanyakan negara telah menghentikan semua kelas fizikal buat sementara. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengarahkan pembelajaran secara maya dijalankan di semua sekolah dan pusat pengajian tinggi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan di Malaysia untuk meneruskan proses pengajaran dan pembelajaran. Proses pembelajaran secara maya ini terdiri daripada pembelajaran atas talian dan luar talian yang dinamakan sebagai pembelajaran terbuka dan jarak jauh. Oleh itu, objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti

faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang dalam mempraktikkan pembelajaran secara terbuka dan jarak jauh. Soalan kaji selidik telah diagihkan secara atas talian kepada semua 7,363 pelajar Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, di mana sejumlah 1,181 maklum balas telah diterima dari tinjauan yang dilakukan dengan kadar respon sebanyak 16%. Aspek demografi atau latar belakang pelajar diwakili oleh statistik deskriptif dan pengenalpastian faktor untuk membina model analisis baru adalah dengan menggunakan analisis regresi logistik. Merujuk kepada keputusan yang diperolehi, terdapat enam faktor yang mempengaruhi pelajar untuk terus mempraktikkan ODL iaitu: 1) ruang untuk pembelajaran, 2) akses internet, 3) peralatan pembelajaran yang mencukupi, 4) pemahaman video pembelajaran 5) kekerapan penggunaan peranti dan 6) pertukaran peperiksaan akhir ke penilaian akhir. Berdasarkan keseluruhan model yang diperolehi, 70.35% sampel adalah dikelaskan dengan tepat

Katakunci : *Pembelajaran terbuka dan jarak jauh; Logistik regresi; Pembelajaran atas talian*

INFLUENCE FACTORS FOR PROCEEDING WITH OPEN AND DISTANCE LEARNING: UITM PAHANG SHARING EXPERIENCE

COVID-19 pandemic has affected almost all sectors in the world, including education. As an effort to break the chain of virus spreading, schools and higher institutions in most countries have stopped all physical classes for a while. Ministry of Education has directed a virtual learning to be conducted in schools and higher education during Movement Control Order was implemented in Malaysia to proceed the teaching and learning process. The virtual learning included online and offline learning which is called as open distance learning. Hence, the main objective of this study is to identify the factors that influence the Universiti Teknologi MARA Pahang Branch students to continue practicing the open and distance learning. A set of questionnaires was disseminated to all students of Universiti Teknologi MARA Pahang, where a number of 1,181 responses had been received from the survey conducted with a responding rate of 27.65%. The demographic aspects of the students were represented by a descriptive statistic and the identification of possible factors was used to build a new analysis model using logistic regression analysis. According to the results obtained, there are six factors that influenced the students to continue practicing ODL which are: 1) workstation, 2) internet access, 3) learning equipment 4) understanding learning video 5) frequentness of device usage and 6) exchange of final examination to final assessment. Based on the overall model, 70.94% of the sample was correctly classified.

Keywords : *Open and distance learning; Logistic regression; Online learning*

ID : E220

KESAN TEKATAN DAN KEGELISAHAN TERHADAP KEMURUNGAN DI KALANGAN PELAJAR UiTM CAWANGAN PAHANG SEMASA MOD ODL:KAEDAH PEMODELAN PERSAMAAN BERSTRUKTUR (SEM)

HAZLIN HASAN¹, SHARIFAH NORHUDA SYED WAHID², KHAIRUNISA NIKMAN³, AZWAN SHAH AMINUDDIN⁴ & NURFARAWAHIDAH BADRUESHAM⁵

¹Faculty of Business and Management, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Lintasan Semarak, 26400 Bandar Pusat Jengka, Pahang, Malaysia

²Faculty of Computer and Mathematical Sciences, Universiti Teknologi MARA Pahang, Jengka Campus, Malaysia

³Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Lintasan Semarak, 26400 Bandar Pusat Jengka, Pahang, Malaysia

⁴Faculty of Business and Management, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan, Malaysia

⁵Al-Bukhari Library, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Lintasan Semarak, 26400 Bandar Pusat Jengka, Pahang, Malaysia

Wabak Covid-19 yang melanda Malaysia telah menyebabkan pengurusan tertinggi Universiti Teknologi MARA (UiTM) menukarkan mod pengajaran dan pembelajaran bagi semua kampus di seluruh negara kepada mod Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (ODL) bermula April 2020. Perubahan mod pengajaran dan pembelajaran kepada pembelajaran dalam talian telah mendapat banyak reaksi daripada para pelajar kerana menyebabkan mereka

berasa tertekan dan tidak selesa. Pelajar telah menunjukkan kemungkinan gejala masalah mental semasa sesi ODL berdasarkan kepada beberapa komen dan status yang dikongsi di pelbagai laman sosial. Tambahan lagi terdapat beberapa komen yang tular mengenai status mental pelajar disebabkan tekanan yang dihadapi dalam cabaran ODL. Berdasarkan kepada senario ini, penyelidik mendapati adalah penting untuk mengenalpasti keadaan emosi pelajar semasa mod ODL dengan mengukur skor tahap kemurungan, kegelisahan dan tekanan mereka menggunakan soal selidik DASS-21. Data primer digunakan dalam kajian ini melibatkan 848 pelajar UiTM Cawangan Pahang di mana kaedah statistik deskriptif dan Pemodelan Persamaan Berstruktur (SEM) digunakan untuk menganalisis data. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor tekanan dan kegelisahan telah memberikan kesan positif yang signifikan terhadap kemurungan ($\beta_1 = 0.704$, $p\text{-value} < 0.001$; $\beta_2 = 0.113$, $p\text{-value} < 0.01$) dengan pengaruh sebanyak 62%. Faktor tekanan telah memberi lebih kesan terhadap kemurungan berbanding faktor kegelisahan. Sehubungan dengan itu, adalah diharapkan agar dapatan kajian ini berjaya menghasilkan ilmu dan penemuan baru serta pandangan-pandangan yang boleh membantu pihak pengurusan universiti yang berkaitan dalam menangani isu-isu kesihatan mental pelajar dan seterusnya membolehkan para pelajar menamatkan pengajian mereka dengan jayanya.

Katakunci : Tekanan; Kegelisahan; Kemurungan; DASS-21; ODL

STRESS AND ANXIETY EFFECTS TOWARDS DEPRESSION AMONG UiTM CAWANGAN PAHANG STUDENTS DURING ODL MODE: A STRUCTURAL EQUATION MODELLING APPROACH

The outbreak of the COVID-19 pandemics which affected Malaysia has led the top management of Universiti Teknologi MARA (UiTM) to move all classes for its campuses nationwide to an Open and Distance Learning (ODL) mode starting April 2020. Since then, the changes in the teaching and learning mode have brought a lot of reactions from the students, as the idea of online learning brings them mixed feelings of distress and uneasiness. Through several comments and status updates shared on various social networking sites, the students showed symptoms of mental distress during the ODL mode. There were even few viral tweets about the students' mental states due to the stress of dealing with challenges of ODL. Due to the scenario, the researchers found it significant to investigate the emotional states of the respondents during ODL mode by measuring their scores on depression, anxiety and stress levels using the DASS-21 questionnaire. Primary data was employed in this study involving 861 UiTM Cawangan Pahang students whereby descriptive statistics and Structural Equation Modelling were used to analyze the data. The findings indicated that there existed positive significant effects of stress and anxiety towards depression ($\beta_1 = .643$, $p\text{-value} < 0.001$; $\beta_2 = .211$, $p\text{-value} < 0.001$) with 68% total variation explained. The stress factor contributed more effects towards depression compared to anxiety factor by more than 25% of total variation explained. Therefore, the findings are aspired to bring about new knowledge and discoveries on the issues that relate to the students' mental health, as well as to provide some insights on how the relevant authorities of the university could assist the students in dealing with the problems, thus enable them to complete their studies successfully.

Keywords : Stress; Anxiety; Depression; DASS-21; ODL

ID : E245

IMEJ MATEMATIK MURID SEKOLAH RENDAH

NAZIHAH ISMAIL¹, NUR HIDAYAH MASNI ABDULLAH¹, ROSELAH OSMAN², NAZIRAH RAMLI¹ & ZULKIFLI AB GHANI HILMI¹

¹Faculty of Computer and Mathematical Sciences, Universiti Teknologi MARA Pahang, Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang, Malaysia

²Faculty of Computer and Mathematical Sciences, Universiti Teknologi MARA Shah Alam, Selangor, Malaysia

Imej matematik adalah salah satu elemen kritikal bagi pengetahuan murid tentang pembelajaran matematik. Pengetahuan tersebut dibentuk oleh murid melalui pelbagai aktiviti dan pengalaman berbeza di sepanjang hidup mereka, termasuk pengalaman yang melibatkan pendidikan matematik. Bertitik tolak dari itu, kertas kerja ini mengupas gambaran umum imej matematik yang dimiliki oleh tiga orang murid sekolah rendah daripada sebuah bandar kecil di salah satu daerah negeri Pahang. Data dikumpulkan melalui sesi temu bual tidak berstruktur

dan borang soalan bertulis. Seorang murid lelaki Tahun 4, seorang murid lelaki Tahun 5, dan seorang murid perempuan Tahun 6 telah dipilih dengan menggunakan kaedah pensampelan yang bersesuaian. Beberapa perkara yang berkaitan dengan imej pembelajaran matematik dan tanggapan tentang metafora berkaitan dengan matematik dibincangkan dalam kertas kerja ini.

Katakunci : *Imej; Matematik; Metafora, Murid sekolah rendah*

PRIMARY SCHOOL PUPILS' IMAGES OF MATHEMATICS

Images of mathematics are one of the critical elements of students' knowledge in mathematics learning. The knowledge is formed through students' various activities and experiences throughout their lives, including mathematics education events. This study examines the general concept of the mathematical image held by three primary school children in Jengka, Pahang. Data were collected through unstructured interview sessions and written question forms. Two male pupils, who are Year 4 and Year 5, respectively, and a Year 6 female pupil, were selected using the appropriate sampling method based on ease of access to subject factors. Several matters related to the images of mathematics learning and perceptions of mathematics-related metaphors are discussed in this paper.

Keywords : *Image; Mathematics; Metaphor; Primary school children*

ID : E251

PENYEBARAN INOVASI DAN PENERIMAAN PEMBAYARAN SECARA MAYA) DI KALANGAN PELAJAR

MOHD SAFWAN RAMLI¹, HAZLIN HASAN¹, ZURIA AKMAL SAAD¹, MUHAMMED SOFFIQ SARIPIN¹
& ASMAHAN ZAKARIA¹

¹Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Lintasan Semarak, 26400 Bandar Pusat Jengka, Pahang, Malaysia

Kemajuan teknologi dan pengenalan inovasi baru telah mengubah dunia. Di Malaysia, migrasi dari pembayaran berasaskan wang kertas ke pembayarannya secara maya telah lama disokong oleh Bank Negara dengan pengenalan pembayaran mudah alih pada tahun 2018. Penerimaan terhadap pembayaran tanpa tunai menunjukkan bahawa rakyat Malaysia mengikuti kemajuan teknologi tetapi masih ragu dengan pembayaran mudah alih dan perkhidmatan di Malaysia tidak banyak didedahkan kepada penggunaannya. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti penentu penyebaran inovasi yang membawa kepada penggunaan pembayaran mudah alih serta untuk menentukan hubungan antara penyebaran inovasi dan penggunaan pembayaran mudah alih di kalangan pelajar pascasiswazah Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam. 180 responden dipilih dalam kalangan pelajar pascasiswazah dari lapan program DPPS UiTM Shah Alam dengan menggunakan kemudahan sampel. Statistical Package for the Social Sciences (SPSS 26) Regresi Berganda digunakan untuk menganalisis data yang dikumpulkan menggunakan soal selidik dalam talian untuk menilai kekuatan hubungan antara hasil. Hasil kajian menunjukkan bahawa kelima-lima penentu penyebaran inovasi mempunyai hubungan dengan penggunaan pembayaran mudah alih dengan yang paling tinggi adalah Persepsi Kegunaan dan Kesesuaian yang dirasakan. Ia juga didapati bahawa penggunaan pembayaran mudah alih yang paling ketara adalah keberkesanan kebolegunaan. Dengan menyediakan sistem yang mendukung prestasi kerja, produktivitas, dan keberkesanan pengguna, diharapkan dapat meningkatkan kesediaan pengguna masa depan untuk menggunakan pembayaran mudah alih

Katakunci : *Penyebaran inovasi; Penerimaan bayaran secara maya, Regrasi berganda*

INNOVATION DIFFUSION AND ADOPTION OF MOBILE PAYMENT AMONG POSTGRADUATE STUDENTS OF UiTM SHAH ALAM

